

Imbasan

Ekonomi negara ke arah pertumbuhan lebih kukuh...

Ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada 2002, hasil daripada prestasi eksport yang lebih baik serta peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan. Prospek luaran yang semakin cerah berikutan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) serta peningkatan semula permintaan global bagi barangan elektronik, khususnya dari negara-negara Asia Timur, telah mempercepatkan pemulihan eksport Malaysia, semenjak awal 2002. Pertumbuhan eksport semakin meluas, meliputi industri lain yang melangkaui sektor elektronik. Ini dibantu oleh penyusutan nilai dolar Amerika berbanding mata wang serantau, di mana ringgit ditambah kepada mata wang berkenaan.

Bagi sektor dalam negeri, kesan pengganda langkah rangsangan fiskal telah mendorong perkembangan ekonomi yang berterusan. Keyakinan pengguna yang semakin kukuh, berikutan peluang pekerjaan yang bertambah baik serta harga komoditi yang lebih tinggi, dijangka meningkatkan lagi perbelanjaan pengguna sepanjang tahun. Dasar monetari akomodatif dan usaha yang lebih gigih bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek sektor awam serta peningkatan aktiviti sektor pembinaan dijangka menjana permintaan dalam negeri yang lebih kukuh pada 2002. Secara keseluruhan, keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang berkembang 2.5% pada separuh pertama 2002 dijangka bertambah kukuh lagi dalam separuh kedua. Dengan itu, pertumbuhan ekonomi pada 2002 dijangka antara 4% hingga

5%, mencapai kadar ramalan Belanjawan 2002. Sektor perkhidmatan dan pembuatan adalah sumber utama pertumbuhan.

Memandangkan nilai eksport terus melebihi import, di samping peningkatan kadar syarat perdagangan berikutan harga komoditi yang lebih tinggi, imbalan perdagangan luar diramalkan mencatat lebihan yang ketara berjumlah RM51,038 juta. Dengan kemungkinan akaun semasa terus mencatat aliran masuk bersih, manakala defisit dalam akaun kewangan akan berkurangan dengan ketara, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan untuk tahun kedua berturut-turut. Oleh yang demikian, tren peningkatan rizab luar negara diramalkan terus bertambah pada 2002. Selaras dengan pemulihan ekonomi, pendapatan negara dianggarkan meningkat semula sebanyak 6.1% kepada RM327,713 juta dengan pendapatan per kapita bertambah 3.8% kepada RM13,361 (2001: -3.5%; RM12,867). Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka meningkat 3.3% kepada dolar Amerika (USD)8,418 (2001: -2.2%, USD8,146).

Kadar tahunan inflasi kekal rendah dan stabil pada tujuh bulan pertama 2002 dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada paras 1.8% (Januari-Julai 2001: 1.5%). Pengimbangan semula kenaikan tarif bagi panggilan telefon tempatan pada Mac 2002 dan peningkatan marginal harga disel, petrol dan gas petroleum cecair (LPG) pada Mei telah memberi tekanan harga. Bagi separuh kedua, pemulihan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dijangka memberi sedikit tekanan ke atas harga dan mengakibatkan kadar inflasi meningkat sedikit, namun parasnya masih rendah sekitar 2% pada keseluruhan tahun.

JADUAL 2.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Agregat Permintaan
(dalam harga 1987)
2001-2003**

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK (mata peratusan)			Bahagian (%)		
	2001	2002 ⁴	2003 ⁵	2001	2002 ⁴	2003 ⁵	2001	2002 ⁴	2003 ⁵
KDNK				0.4	4.0-5.0	6.0-6.5			
Permintaan Dalam Negeri¹	2.8	4.8	7.3	2.4	4.3	6.7	89.8	90.3	91.5
Perbelanjaan Swasta	-3.0	5.1	9.0	-1.8	3.0	5.4	58.8	59.2	61.0
<i>Penggunaan</i>	2.8	5.9	7.6	1.2	2.8	3.6	46.4	47.1	47.9
<i>Pelaburan</i>	-19.9	1.8	14.4	-3.0	0.2	1.8	12.4	12.1	13.1
Perbelanjaan Awam	15.9	4.3	4.0	4.2	1.3	1.3	31.0	31.1	30.5
<i>Penggunaan</i>	17.6	4.7	8.5	2.0	0.6	1.2	13.5	13.6	13.9
<i>Pelaburan</i>	14.5	4.1	0.5	2.2	0.7	0.1	17.5	17.5	16.6
Perubahan dalam Stok				-2.3	1.6	-0.5	-1.1	0.5	0.0
Sektor Luar	3.1	-15.1	-2.0	0.3	-1.7	-0.2	11.3	9.2	8.5
<i>Export²</i>	-7.5	3.6	7.5	-8.8	3.9	8.1	108.2	107.5	109.1
<i>Import²</i>	-8.6	5.8	8.4	-9.1	5.6	8.3	96.9	98.3	100.6
KNK³ dalam RM bilion	309.0	327.7	353.1						
(dalam harga semasa)	-1.4	6.1	7.8						

¹ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

² Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

³ Keluaran Negara Kasar.

⁴ Anggaran.

⁵ Unjuran.

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Pertumbuhan ekonomi diterajui terutamanya oleh permintaan dalam negeri...

Berikutan kesan positif langkah rangsangan fiskal yang berterusan dan pemulihan permintaan luar, sektor swasta sekali lagi mula memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi, walaupun tidak sedinamik seperti sebelum berlakunya krisis kewangan 1997. Prestasi **sektor swasta** yang lebih baik ini dicerminkan oleh perkembangan positif perbelanjaan swasta secara keseluruhannya, seperti di *Jadual 2.1*. Sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan KDNK dijangka menggalakkan dengan peningkatan 5.1% dalam nilai benar (2001: -3%), iaitu sebanyak 3 mata

peratusan (2001: -1.8 mata peratusan). Pencapaian ini jauh lebih tinggi daripada jangkaan sumbangan **sektor awam**, iaitu sebanyak 1.3 mata peratusan (2001: 4.2 mata peratusan).

Perbelanjaan keseluruhan sektor awam dijangka meningkat sederhana 4.3%, selepas mencatat pertumbuhan tinggi 15.9% pada 2001 berikutan kesan dasar belanjawan mengembang. Peningkatan sederhana perbelanjaan sektor awam ini adalah selaras dengan dasar konsolidasi Kerajaan ke arah mencapai belanjawan berimbang dalam tempoh jangka sederhana. Memandangkan momentum kegiatan ekonomi sektor swasta semakin pesat pada separuh kedua tahun ini, agregat **permintaan dalam negeri** dijangka berkembang lagi sebanyak 4.8% (2001: 2.8%). Pertumbuhan yang agak kukuh dan berterusan ini didorong sebahagian besarnya oleh keseluruhan perbelanjaan penggunaan, terutamanya penggunaan swasta.

Keteguhan perbelanjaan **penggunaan swasta** antara lain disebabkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna. Ini berpunca daripada pemulihan pendapatan eksport serta kesan positif semakin semula kenaikan gaji kakitangan awam dan pengurangan kadar cukai pendapatan individu. Faktor-faktor penyumbang lain termasuk peluang pekerjaan yang lebih baik, harga komoditi yang lebih tinggi dan kesan kekayaan yang positif daripada pemulihan sederhana pasaran saham. Tren yang memberangsangkan ini digambarkan oleh beberapa penunjuk penggunaan utama, termasuk import barangan penggunaan, jualan kereta penumpang, kutipan cukai jualan dan kad kredit pengguna yang meningkat ketara antara 7.7% hingga 39% pada separuh pertama tahun. Pada akhir Jun 2002, kredit penggunaan telah meningkat ketara kepada RM75,674 juta berbanding RM63,349 juta dalam tempoh yang sama 2001, seperti di *Carta 2.1*. Dengan pengukuhan sentimen pengguna, perbelanjaan penggunaan swasta dijangka meningkat melebihi


sekali ganda 5.9% (2001: 2.8%) dan menyumbang 2.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2001: 1.2 mata peratusan).

Sejajar dengan peningkatan keyakinan perniagaan berikutan kecergasan semula prestasi ekonomi yang telah mengalami pertumbuhan negatif pada suku ketiga dan keempat tahun 2001, perbelanjaan **pelaburan swasta** dijangka kembali mencatat pertumbuhan positif 1.8% (2001: -19.9%). Walaupun kadar pertumbuhan ini kecil, kegiatan perbelanjaan modal yang pesat dijangka berlaku pada separuh kedua tahun ini. Jangkaan ini adalah berdasarkan semakin banyak syarikat, terutamanya industri berorientasi eksport, berusaha meningkatkan tahap penggunaan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi pesanan luar negeri yang kian bertambah serta berusaha menokok semula penyimpanan stok pada paras yang optimum untuk menampung permintaan pada masa hadapan. Pelaburan swasta yang dijangka meningkat juga didorong oleh langkah rangsangan fiskal yang berterusan dan pelaksanaan beberapa projek penswastaan, termasuk KL Monorel, Lebuhraya Baru Pantai, Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang dan Penyuraian Trafik KL Barat.

Perbelanjaan modal yang mula meningkat ini dicerminkan dalam beberapa penunjuk pelaburan utama. Ini termasuk jualan kenderaan perdagangan, pengeluaran konkrit campuran siap serta jualan keluaran simen dan konkrit yang meningkat antara 3.9% hingga 22.7% pada separuh pertama tahun ini. Satu lagi penunjuk penting ialah peningkatan semula import barangan modal yang ketara dengan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 16.5% dalam suku kedua (S1 2002: -15.2%). Pada akhir Jun 2002, jumlah pinjaman sistem perbankan yang dikeluarkan kepada sektor pembuatan hampir kekal pada RM66,707 juta dan sektor pembinaan, RM39,281 juta, seperti di *Carta 2.2*. Keyakinan perniagaan dijangka bertambah mantap sebagaimana dicerminkan oleh peningkatan ketara nilai cadangan permohonan projek pelaburan dalam sektor pembuatan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Nilai permohonan ini telah meningkat kepada RM2,082 juta atau purata 16.2% berbanding bagi bulan Mei hingga Jun yang sama pada 2001. Bagi tempoh 16 bulan yang lalu, nilainya telah mengalami pertumbuhan negatif kecuali pada


CARTA 2.1

Penunjuk Penggunaan Swasta



CARTA 2.2

Penunjuk Pelaburan Swasta



April 2001 dan Januari 2002. Sebahagian besar projek yang dipohon adalah dalam industri elektrik dan elektronik, keluaran galian bukan logam, kelengkapan pengangkutan, kimia dan petrokimia dan keluaran mananan. Tanda-tanda pelabur tempatan kembali melabur timbul sejak kebelakangan ini, dicerminkan oleh peningkatan mendadak nilai cadangan permohonan projek pelaburan yang diterima, iaitu sebanyak 67.6% kepada RM3,977 juta dalam tempoh separuh pertama (Januari-Jun 2001: -77.5%).

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam tanpa menjejaskan peranannya dalam menggalakkan aktiviti perniagaan dan mencapai matlamat sosioekonomi negara, perbelanjaan **pelaburan awam** dijangka terus meningkat, walaupun pada kadar yang perlahan sebanyak 4.1% pada 2002 (2001: 14.5%). Jangkaan peningkatan perbelanjaan pelaburan awam ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap keupayaan negara serta memajukan pembangunan sumber manusia untuk membolehkan negara beranjak kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Dari segi **penggunaan awam**, jumlah perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka lebih tinggi sedikit. Ini berikutan daripada langkah memperkemas lagi jentera pentadbiran Kerajaan untuk meningkatkan “*delivery system*” serta kenaikan emolumen ekoran semakan semula gaji kakitangan awam. Oleh itu, perbelanjaan penggunaan awam dijangka meningkat lebih sederhana pada kadar 4.7% (2001: 17.6%).

Prestasi Sektor

Semua sektor dijangka mencatatkan pertumbuhan positif...

Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi diramalkan mencatat pertumbuhan positif. Semua sektor dijangka terus berkembang pesat, selain pertanian yang diramalkan tumbuh sederhana sebanyak 1.1% (2001: 1.8%) disebabkan pengeluaran minyak sawit yang rendah, seperti di *Jadual 2.2*. Sektor perkhidmatan yang dijangka berkembang 5.3%, diramalkan terus menjana pertumbuhan ekonomi dan menyumbang 3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada 2002. Pertumbuhan sektor ini dijangka dihasilkan

daripada sektor kecil kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, selaras dengan peningkatan ekonomi dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik serta dilengkapi dengan peningkatan ketara sektor pembuatan.

Output sektor pembuatan pulih beransur-ansur sejak Februari, diterajui dengan peningkatan tempahan separa konduktor dan barangan elektronik lain. Pemulihan ini dijangka menjadi lebih pantas dengan peningkatan prestasi sektor berkenaan dalam separuh kedua tahun, disokong oleh peningkatan beransur-ansur permintaan akhir pasaran luar negeri, khususnya rantau Asia Pasifik. Pemulihan sektor kecil separa konduktor dan komponen elektronik dalam negeri turut memanfaatkan industri-industri sokongan seperti

plastik, kimia dan fabrikasi logam serta jentera. Oleh itu, nilai ditambah bagi sektor pembuatan mencatat pertumbuhan 1.6% dalam separuh pertama dan seterusnya diramal bertambah kukuh lagi kepada 8.7% pada separuh kedua dan mencapai pertumbuhan keseluruhan 5.1% bagi 2002 (2001: -6.2%).

Sektor perlombongan sebaliknya, dijangka mencatat peningkatan kecil dengan pertumbuhan 2% (2001: 1.6%), disebabkan terutamanya oleh jangkaan pertambahan output minyak mentah dan gas pada separuh kedua tahun. Sektor pembinaan pula diramal berkembang dengan lebih kukuh sebanyak 3.8%, hasil faedah yang besar diperolehi daripada kesan rangsangan fiskal pembinaan rumah, sekolah satu sesi, kolej, dan projek luar bandar.

JADUAL 2.2

**Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Sektor
(pada harga 1987)
2001-2003**

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK (mata peratusan)			Bahagian (%)		
	2001	2002 ^a	2003 ^f	2001	2002 ^a	2003 ^f	2001	2002 ^a	2003 ^f
Pertanian, perhutanan dan perikanan¹	1.8	1.1	3.4	0.2	0.1	0.3	8.7	8.4	8.2
Perlombongan	1.6	2.0	2.5	0.1	0.2	0.2	7.6	7.4	7.2
Pembuatan	-6.2	5.1	8.5	-2.0	1.6	2.6	30.2	30.4	31.2
Pembinaan	2.3	3.8	4.5	0.1	0.1	0.2	3.4	3.4	3.3
Perkhidmatan	5.7	5.3	5.9	3.1	3.0	3.3	56.4	57.0	57.0
Elektrik, gas dan air	6.9	7.2	7.5	0.3	0.3	0.3	4.2	4.3	4.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	7.5	5.4	6.0	0.6	0.5	0.5	8.7	8.8	8.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	3.0	3.8	5.0	0.4	0.6	0.8	15.1	15.0	14.9
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perdagangan	9.5	8.2	7.7	1.2	1.1	1.1	13.6	14.1	14.3
Perkhidmatan Kerajaan	4.6	4.3	4.5	0.3	0.3	0.3	7.2	7.2	7.1
Perkhidmatan lain	2.9	3.2	4.4	0.2	0.3	0.3	7.7	7.7	7.6
Tolak: Bayaran perkhidmatan yang dikenakan	12.8	11.9	10.6	1.0	1.0	1.0	8.5	9.1	9.5
Tambah: Cukai import	0.4	12.8	14.6	0.0	0.3	0.4	2.3	2.4	2.7
KDNK	0.4	4.0-5.0	6.0-6.5	0.4	4.0-5.0	6.0-6.5	100.0	100.0	100.0

¹ Termasuk ternakan dari hortikultur.

^a Anggaran.

^f Unjuran.

Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan menunjukkan peningkatan ketara...

Tanda-tanda pemulihan sektor pembuatan tampak lebih nyata pada suku kedua 2002. Selepas mengalami kemerosotan selama 11 bulan berturut-turut, prestasi sektor pembuatan bertambah baik. Pertumbuhan negatif output sebanyak 11% yang dicatatkan oleh sektor ini pada suku keempat 2001 telah kembali meningkat positif untuk tiga bulan berturut-turut mulai April 2002, seperti di *Carta 2.3*. Pertumbuhan mantap sektor ini adalah diramalkan untuk sepanjang tahun berasaskan pemulihan permintaan luar negeri dan pertumbuhan mapan penggunaan dalam negeri.

Tinjauan persekitaran luar negeri telah kembali positif dengan industri elektronik menunjukkan tanda-tanda kemerosotan semakin reda. Penurunan jualan separa konduktor dunia berkurangan sederhana kepada 1.6% dalam suku kedua, iaitu suatu peningkatan ketara daripada penurunan 25% pada suku tahun sebelumnya. Nisbah *book-to-bill* (BTB) industri kelengkapan elektronik Amerika Utara telah pulih kepada melebihi satu mata untuk empat bulan berturut-turut mulai Mac tahun ini, seperti di *Carta 2.4*, tanda awal output industri separa konduktor Malaysia menuju kepada pemulihan.

Industri **elektrik dan elektronik** (E&E) dalam negeri kembali pesat dengan mencatatkan pertumbuhan ketara 13.3% pada Jun berbanding -1.8% pada bulan Mac. Sektor kecil separa konduktor dan komponen elektronik khususnya, mencatat pertumbuhan positif untuk empat bulan berturut-turut mulai Februari, selepas mengalami penurunan untuk 12 bulan. Ekoran pengurangan inventori separa konduktor yang berlanjutan pada tahun 2001, tempahan mula meningkat disebabkan terutamanya untuk penambahan semula stok pada separuh pertama 2002. Import barangan perantaraan turut pulih semula sebanyak 3.3% pada suku kedua (S1 2002: -1.3%) menunjukkan peningkatan kukuh output pembuatan untuk bulan-bulan berikutnya. Paras penggunaan kapasiti sektor ini pada amnya kekal melebihi 70% pada separuh pertama. Memandangkan pertumbuhan permintaan luar

negeri dan penggunaan dalam negeri terus berkembang pesat, tahap penggunaan kapasiti ini dijangka terus bertambah baik kepada melebihi 80% pada hujung 2002.


Keyakinan pengguna terus bertahan dan bertambah baik dengan perbelanjaan pengguna terus kukuh. Output industri kelengkapan pengangkutan mencatat pertumbuhan dua angka untuk 16 bulan berturut-turut, kecuali bagi musim cuti panjang pada bulan Disember 2001 dan Februari tahun ini, di mana pengeluaran telah dikurangkan. Pengeluaran industri berkaitan bahan pembinaan, seperti besi dan keluli dan juga galian bukan logam, telah mencapai pertumbuhan output yang lebih kukuh dengan adanya penerusan pelaksanaan projek rangsangan fiskal dan pertumbuhan mapan sektor kecil perumahan.

Lebih sedikit daripada separuh output sektor pembuatan adalah **berorientasi eksport** dengan E&E menyumbangkan lebih 40% daripada jumlah keseluruhan output pembuatan seperti di *Jadual 2.3*. Pemulihan kukuh E&E merupakan penyumbang utama kepada prestasi sektor pembuatan, seperti di *Carta 2.5*. Output separa konduktor, transistor, litar bersepadu serta alat dan komponen elektronik lain telah mula menunjukkan peningkatan berterusan pada awal tahun. Permintaan kian meningkat secara menyeluruh, terutamanya komputer peribadi, peralatan telekomunikasi, barangan elektronik pengguna serta komponen elektronik kereta dan industri, disebabkan terutamanya oleh aktiviti penambahan semula stok serta permintaan barangan akhir dalam segmen elektronik pengguna dan automobil.

Paras penggunaan kapasiti kontraktor pengeluar separa konduktor juga telah meningkat daripada purata 35% pada 2001 kepada antara 50% hingga 60% dalam suku kedua 2002 berikutan dengan tempahan yang bertambah. Apabila penggunaan kapasiti meningkat dan mengatasi tahap pulangan modal, kebanyakan pengeluar separa konduktor pada amnya telah menamatkan langkah berjimat cermat yang diambil pada tahun lepas, dengan kembali kepada hari kerja yang lazim bagi menampung peningkatan pesanan. Peningkatan perbelanjaan ke atas barangan pengguna tahan


CARTA 2.3

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) (% Perubahan tahunan)



CARTA 2.4

Nisbah *Book-to-bill* dan Pertumbuhan Pengeluaran Separa Konduktor Malaysia



lama dan permintaan luar negeri yang lebih tinggi menghasilkan pertumbuhan kukuh pengeluaran produk E&E pengguna, seperti set televisyen meningkat 8.7% dan pendingin udara 7.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2002.

Walaupun pemulihan bagi sektor separa konduktor mula pulih, pemulihan keseluruhan bagi 2002 berkemungkinan lebih lemah daripada yang dijangka. Laporan *Semiconductor Industry Association (SIA)*, AS menunjukkan perbelanjaan

terhadap produk teknologi maklumat (IT) di seluruh dunia dijangka meningkat 3% pada 2002, khususnya bagi pasaran Asia Pasifik (kecuali Jepun). Memandangkan perolehan pendapatan korporat yang lebih rendah daripada jangkaan bagi separuh 2002, perbelanjaan modal korporat dijangka lembap. Laporan daripada syarikat utama kelengkapan komputer dan telekomunikasi di Eropah dan AS juga menunjukkan pertumbuhan global pasaran komputer peribadi dan telefon selular lebih lemah.

JADUAL 2.3


Indeks Pengeluaran Perkilangan (Januari - Jun)

Sektor	Perubahan (%)				Sumbangan (%)	
	2001	2002	2002		2001	2002
			S1	S2		
Industri berorientasi eksport:	-6.7	1.9	-5.0	9.3	52.0	52.3
Elektrik, elektronik dan jentera:	-9.3	5.0	-3.0	13.6	39.0	40.3
<i>Separa konduktur</i>	-14.0	10.4	-0.8	23.5	28.0	30.5
<i>Pembersih dan pendingin udara</i>	19.9	17.7	13.5	21.8	2.2	2.5
Produk berasaskan kayu	6.6	-10.8	-15.4	-6.2	4.2	3.7
Produk berasaskan getah	6.2	-2.6	-4.6	-0.5	4.6	4.4
Tekstil, pakaian dan kasut	-3.5	-10.9	-14.9	-6.7	3.4	3.1
<i>Kilang mengait</i>	-6.6	-5.7	-23.7	11.5	0.3	0.3
<i>Pakaian</i>	-8.3	-12.2	-17.5	-6.0	1.3	1.1
Alat professional, saintifik, ukuran dan kawalan	-17.4	-0.3	-12.9	12.2	0.8	0.8
Industri berorientasi dalam negeri:	3.3	0.9	-1.6	3.3	48.0	47.7
Kelengkapan pengangkutan	18.7	15.4	17.4	13.0	4.2	4.8
Industri berkaitan pembinaan	10.0	5.5	4.0	10.0	11.1	11.5
Makanan, minuman dan tembakau	7.0	1.2	2.0	0.4	10.0	10.0
Kimia dan produk kimia	3.0	-5.3	-4.9	-5.8	11.5	10.7
<i>Resin tiruan</i>	-9.3	9.5	1.1	18.6	1.0	1.1
<i>Cat, varnish dan lackuer</i>	8.4	14.1	24.5	4.7	0.4	0.4
Keluaran plastik	-12.1	-5.9	-15.4	4.0	7.0	6.5
Kertas dan produk kertas	4.8	7.0	-2.1	16.3	1.4	1.5
Penapisan minyak mentah	19.6	0.9	4.3	-2.4	1.4	1.3
Pelbagai produk petroleum dan arang batu	-2.2	-14.1	0.3	-26.8	0.3	0.3
Kaca dan produk kaca	-5.3	-9.2	2.7	-18.5	0.4	0.4
Industri logam bukan ferum	-18.3	1.8	-9.9	13.0	0.7	0.8
Jumlah	-2.2	1.4	-3.4	6.4	100.0	100.0

Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan.

CARTA 2.5

Pertumbuhan Sektor Pembuatan Diterajui oleh Industri Elektrik dan Elektronik



Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan.

Walaupun terdapat tanda-tanda menunjukkan pemulihan yang lebih perlahan di AS disebabkan oleh kesan kekayaan yang negatif berikutan pasaran ekuiti yang merosot, beberapa tanda positif telah muncul di rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun) baru-baru ini. Jualan separa konduktor di rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun) mencatatkan pertumbuhan 19% dalam tempoh enam bulan pertama 2002. Sekiranya arah aliran ini dapat dikekalkan, ia akan membantu mengurangkan kesan kemungkinan kelembapan ekonomi AS. Pengeluaran separa konduktor keseluruhannya, diunjur akan terus berkembang pada tahap sederhana. Pertumbuhan dijangka dipergiatkan lagi, meskipun pada tahap yang lebih perlahan, dalam suku ketiga dan seterusnya diperkukuhkan lagi pada suku keempat, berpunca daripada jualan bermusim yang lebih kukuh dalam tempoh tersebut dengan pemulihan permintaan akhir pasaran luar negeri.

Industri **tekstil dan pakaian** turut menunjukkan perubahan yang lebih baik pada suku kedua dengan output mencatatkan penurunan yang lebih rendah 6.7% (S2 2001: -9.6%). Perkembangan positif adalah diramalkan bagi separuh kedua 2002. Terdapat tanda-tanda jelas pemulihan bagi sektor kecil pakaian yang mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 15.6% dalam suku kedua berbanding suku sebelumnya, disebabkan tambahan permintaan dalam dan luar negeri. Sektor ini diramal akan terus berkembang kerana semasa kelembapan ekonomi 2001, sebahagian pengeluar telah mula melabur dalam peralatan berteknologi tinggi, meningkatkan kualiti dan produktiviti serta membina jenama. Justeru, para pengeluar kini berada dalam kedudukan lebih bersedia untuk bersaing apabila permintaan luar negeri pulih sejajar dengan prestasi ekonomi global yang lebih baik.

Pengeluaran **industri berasaskan kayu**, meliputi papan lapis, *joinery*, papan lantai dan kayu bergergaji merosot 10.8% dalam tempoh enam bulan pertama (Januari-Jun 2001: 6.6%), terutamanya eksport papan lapis ke Jepun yang lebih rendah. Walaupun sektor ini masih mengalami penguncupan berbanding tahun sebelumnya, tanda-tanda awal kemerosotan semakin reda telah muncul baru-baru ini dengan output keseluruhan produk berasaskan kayu mencatat penurunan sederhana 6.2% dalam suku kedua berbanding -15.4% di suku sebelumnya. Pada masa ini, sektor tersebut, kecuali industri perabot, beroperasi pada tahap kapasiti 55%-60% dengan 75% daripada outputnya dieksport. Kapasiti pengeluaran dijangka terus meningkat kepada 70% disebabkan permintaan yang lebih kukuh daripada negara-negara pengimport seperti Korea Selatan dan Taiwan. Sebaliknya, jualan **perabot dan kelengkapan perabot** mencatat peningkatan 16% dalam tempoh enam bulan pertama 2002, dengan penggunaan kapasiti pengeluaran pada amnya melebihi 70%. Permintaan yang lebih kukuh ini adalah disebabkan oleh usaha lebih gigih pihak pengeluar perabot dalam mempromosikan produk berasaskan kayu melalui pameran dan pertunjukan perabot dan penambahbaikan reka bentuk yang berterusan untuk memenuhi keperluan industri dan pengguna yang sering berubah.

Output **industri getah** menguncup 2.6% bagi separuh pertama (Januari-Jun 2001: 6.2%). Semua produk di bawah sektor ini mencatat pertumbuhan negatif, kecuali *catheters* yang mencatat peningkatan 16% (Januari-Jun 2001: -7.3%). Pengeluaran sarung tangan getah, penyumbang utama kepada industri ini menguncup 5% (Januari-Jun 2001: 11.8%) disebabkan keadaan lebih bekalan dan harga eksport yang lemah, terutamanya dalam suku pertama 2002. Walau bagaimanapun, harga produk lateks telah mula meningkat dalam suku kedua berbanding dengan suku sebelumnya, menandakan peningkatan permintaan luar negeri dan harga susu getah yang semakin meningkat. Sementara itu, output tayar dan tiub telah mencatatkan pertumbuhan marginal 0.9%. Dengan peningkatan jualan kereta penumpang,


industri ini, bagaimanapun, dijangka akan menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik sehingga penghujung tahun.

Pemulihan yang lebih menyeluruh dijangkakan dalam **industri berorientasi dalam negeri** bagi 2002. Teras Belanjawan 2002 dalam memberi insentif cukai kepada individu dan semakan kenaikan gaji serta bonus untuk kakitangan Kerajaan telah menggalakkan perbelanjaan dalam negeri. Perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi ke atas kereta penumpang terus merangsang permintaan dalam negeri. Pemulihan output elektronik dalam negeri juga turut mencergaskan semula industri sokongan seperti plastik, kimia dan fabrikasi logam. Prestasi kukuh sektor kecil perumahan turut menyumbang secara positif kepada pertumbuhan keseluruhan industri berkaitan bahan pembinaan, seperti di *Carta 2.6*.

Pengeluaran **kelengkapan pengangkutan** terus mencatat pertumbuhan pantas berikutan penjualan kenderaan penumpang dan komersil yang kukuh. Output sektor ini kekal positif dengan pertumbuhan dua angka iaitu 15.4% dalam enam bulan pertama 2002 (Januari-Jun 2001: 18.7%) dengan pengeluaran kereta bagi kategori kurang daripada 1,600 cc meningkat 31.2%. Prestasi kukuh industri ini adalah disokong oleh kemudahan kredit yang mudah, penawaran kadar faedah yang rendah dengan tempoh pembiayaan yang lebih lama serta pendahuluan yang mampu dibayar. Perkembangan jualan kenderaan yang cergas pada 2001 bagi kenderaan berterusan dalam 2002. Jumlah jualan kenderaan dalam tempoh enam bulan pertama meningkat kukuh sebanyak 20.3% berbanding tempoh yang sama dalam 2001. Terutamanya, jualan kenderaan komersil mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 22.7%, menggambarkan peningkatan keyakinan perniagaan. Jualan kereta penumpang terus merekod pertumbuhan dua angka 19.9%. Arah aliran ini dijangka akan berterusan sepanjang tahun didorong oleh permintaan yang lebih tinggi, hasil daripada pengukuhan keyakinan pengguna berikutan pendapatan dan prospek pekerjaan yang lebih baik. Tambahan pula, aktiviti

CARTA 2.6

Produk Berkaitan Pembinaan Menyumbang dengan Ketara kepada Industri Berorientasi Dalam Negeri



promosi oleh wakil jualan kereta serta kelayakan jumlah pinjaman yang lebih tinggi untuk kakitangan Kerajaan dijangka menggalakkan jualan seterusnya.

Industri berkaitan pembinaan dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek-projek yang sedang dilaksanakan di bawah rangsangan fiskal serta prestasi yang mapan sektor kecil perumahan. Keseluruhannya, industri ini mencatatkan pertumbuhan 5.5% (Januari-Jun 2001: 10%). Pengeluaran simen dan konkrit terus mencatatkan pertumbuhan positif 13.1% (Januari-Jun 2001: 18.4%). Permintaan dijangka meningkat lebih kukuh pada tahun ini, sebahagiannya didorong oleh peningkatan penggunaan simen dalam beberapa projek infrastruktur awam yang sedang dilaksanakan dan juga yang dirancang untuk tahun 2002/2003. Begitu juga pengeluaran seramik dan jubin yang berkembang sebanyak 4.1% bagi memenuhi tambahan permintaan sektor

kecil perumahan. Pada masa ini, industri galian bukan logam, khususnya pengeluaran seramik, beroperasi pada kapasiti melebihi 80%. Begitu juga, industri besi dan keluli pada amnya dijangka akan mencapai prestasi lebih baik disebabkan oleh kesan positif rangsangan fiskal serta permintaan luar negeri yang lebih baik. Hasilnya, kapasiti penggunaan dijangka meningkat melebihi 65% berbanding 55% pada 2001.

Industri makanan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 1.2% (Januari-Jun 2001: 7%) dengan jumlah jualan sebanyak RM4,500 juta, di mana lebih sedikit daripada satu pertiga telah dieksport. Paling nyata eksport makanan ke Republik Rakyat China telah meningkat dengan pesat sebanyak 79.5% dalam tempoh enam bulan pertama dengan sebahagian besar eksport ini terdiri daripada minyak sawit dan minyak isirung sawit. Pemprosesan ikan dan krustasia mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang

lebih tinggi sebanyak 13.7% (Januari-Jun 2001: 12.4%) dengan pengeluaran ikan dalam tin kekal sebanyak 17.3% (Januari-Jun 2001: 19.7%). Output produk makanan lain yang mencatatkan pertumbuhan positif adalah gula sebanyak 19.9% (Januari-Jun: 2001 -9.5%), nanas dalam tin, 14.2% (Januari-Jun 2001: -7.5%), tepung susu penuh krim, 13.9% (Januari-Jun 2001: -11%) dan minuman susu, 10.7% (Januari-Jun 2001: -2.5%), membayangkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi.

Output industri **kimia perindustrian** turut menunjukkan tanda pemulihan berikutan prestasi sektor elektronik yang lebih baik. Produk kimia seperti cat, varnish dan lakuer mencatat pertumbuhan lebih tinggi kepada 14.1% (Januari-Jun 2001: 8.4%). Pertumbuhan lebih kukuh produk ini adalah dikaitkan dengan peningkatan penggunaannya dalam industri automobil dan industri berkaitan pembinaan tempatan. Output resin tiruan mencatat pertumbuhan 9.5% (Januari-Jun 2001: -9.3%) disebabkan permintaan dalam dan luar negeri yang lebih tinggi akibat pemulihan sektor kecil elektronik.

Output **industri plastik** juga kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif 4% dalam suku kedua selepas merosot 15.4% dalam suku pertama. Bagi tempoh enam bulan pertama, industri ini mencatat jumlah jualan sebanyak RM3,638 juta, di mana RM1,731 juta atau hampir separuh adalah untuk pasaran eksport. Produk plastik kebanyakannya digunakan untuk industri pembungkusan, iaitu 35% daripada pengeluaran, diikuti dengan 30% bagi pembuatan komponen produk E&E. Dengan pemulihan sektor E&E dan penggunaan swasta, khususnya bagi penggunaan barangan pengguna yang laris dan yang memerlukan perubahan kerap reka bentuk dan pembungkusan, industri ini akan mengalami pemulihan yang lebih kukuh pada penghujung tahun.

Selaras dengan peningkatan jualan kenderaan, pengeluaran gasolin meningkat 1.5% dalam tempoh yang sama 2002. Output LPG meningkat pesat sebanyak 22.3%, membayangkan peningkatan penggunaan terutamanya oleh isi

rumah dan industri perkhidmatan. Pengeluaran minyak bahan api bagaimanapun, berkurangan dengan mendadak sebanyak 25.6% yang turut menjejaskan prestasi keseluruhan sektor **penapisan minyak mentah**. Sektor ini mencatat pertumbuhan yang rendah 0.9% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun: 2001: 19.6%).

Sektor Pertanian

Pertumbuhan sektor pertanian sederhana tetapi tren harga komoditi meningkat...

Pertumbuhan sektor pertanian yang lebih perlahan sebanyak 1.1% pada 2002 berbanding dengan 2001 (1.8%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan perikanan, seperti di *Jadual 2.4*. Walau bagaimanapun, pertumbuhan positif pembalakan, getah dan sektor kecil pertanian lain mengimbangi penguncupan pengeluaran minyak sawit dan perikanan. Sungguhpun demikian, usaha Kerajaan

JADUAL 2.4

Nilai Ditambah Sektor Pertanian, Penternakan, Perhutanan dan Perikanan (pada harga 1987) 2001-2002

	Perubahan (%)		Sumbangan Bahagian (%)	
	2001	2002 ^a	2001	2002 ^a
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.8	1.1	100.0	100.0
kelapa Sawit	8.9	-2.8	34.9	33.5
Perhutanan dan pembalakan	0.6	1.3	16.8	16.9
Perikanan	-10.0	-1.7	12.1	11.7
Getah	-10.9	0.5	6.1	6.1
Pertanian lain ^b	3.2	6.7	30.1	31.7

^a Anggaran.

^b Termasuk penternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian seperti buah-buahan, kopra, sayur-sayuran, tembakau, teh, bunga-bunga, lada hitam dan nanas.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

mencergaskan semula sektor pertanian sebagai penjana ketiga pertumbuhan diteruskan. Ini adalah selaras dengan strategi mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi.

Pada keseluruhannya, pengeluaran **CPO** dijangka mencatat pengurangan 3.4% ataupun 404,000 tan metrik. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti program penanaman semula yang berterusan yang dilaksanakan sejak 2001, pokok-pokok kelapa sawit yang mengalami tekanan kitaran pokok serta cuaca panas dan kering yang dialami dari bulan Mac hingga Ogos. Walaupun pengeluaran lebih rendah, sektor kecil kelapa sawit masih mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada nilai ditambah sektor pertanian dengan sumbangan sebanyak 33.5% (2001: 34.9%), seperti di *Jadual 2.4* dan *Carta 2.7*. Semenanjung terus menyumbang sebahagian besar pengeluaran minyak sawit mentah (61%), diikuti oleh Sabah (34%) dan Sarawak (5%).

Pada 2002, jumlah kawasan yang ditanam dijangka meningkat 2.9% kepada 3.6 juta hektar, seperti di *Jadual 2.5* dengan mengambil kira kawasan baru yang dikenalpasti untuk penanaman kelapa sawit, khususnya di Sabah dan Sarawak. Sebanyak 69.2% daripada jumlah ini adalah di bawah pemilikan sektor swasta dengan baki sebanyak 30.8% dimiliki oleh entiti kerajaan,

JADUAL 2.5

Keluasan dan Pengeluaran Minyak Sawit

2001-2002

	2001	2002 ^a	Perubahan (%)	
			2001	2002 ^a
Keluasan tanaman ('000 hektar)	3,500	3,600	3.7	2.9
Keluasan matang ('000 hektar)	3,005	3,222	20.5	7.2
Pengeluaran (^a 000 tan metrik)				
Minyak sawit	11,804	11,400	8.9	-3.4
Minyak isirong	1,532	1,480	11.2	-3.4
Hasil (tan metrik/hektar)	19.1	18.5	4.4	-3.1

^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama.

seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan FELCRA Berhad. Dari segi harga, penurunan mendadak harga minyak sawit yang dialami sebahagian besarnya dalam tahun 2001 telah pulih secara beransur-ansur semenjak November 2001. Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan stok dan pengeluaran yang lebih rendah sebanyak 11.4 juta tan metrik serta pengurangan pengeluaran minyak soya akibat kesan negatif keadaan cuaca. Pada 2002, harga CPO dijangka berada pada purata RM1,305 setan metrik (2001: RM893 setan matrik).

Bagi tempoh enam bulan pertama 2002, pengeluaran **getah** mencatat peningkatan 3.7% kepada 266,281 tan. Keseluruhan pengeluaran getah dijangka meningkat sedikit 0.5% kepada 550,000 tan (2001: 547,000 tan). Sebaliknya, jumlah kawasan getah dianggarkan sebanyak 1,348 juta hektar pada tahun ini (2001: 1,389 juta hektar), berkurangan 2.9%, seperti di *Jadual 2.6*. Bagi mengekalkan pertumbuhan industri getah, berbagai usaha terus dijalankan oleh Kerajaan, termasuk meningkatkan produktiviti, menggalakkan pemprosesan hiliran dan

JADUAL 2.6

Keluasan Tanaman, Hasil dan Pengeluaran Getah 2001-2002

	2001	2002 ^a	Perubahan (%)	
			2001	2002 ^a
Jumlah keluasan (^a 000 hektar)	1,389.3	1,348.4	-2.9	-2.9
Kebun kecil	1,220.6	1,203.1	-1.9	-1.4
Estet	168.7	145.3	-9.3	-13.9
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	900.0	920.0	5.9	2.2
Estet	1,200.0	1,220.0	4.3	1.6
Pengeluaran (^a 000 tan)	547.0	550.0	-5.7	0.5
Kebun kecil	444.7	450.0	-5.7	0.5
Estet	99.5	100.0	-5.7	0.5
% daripada pengeluaran sedunia	8.3	8.1	-6.7	-2.4

^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

mengadakan usaha sama dengan negara pengeluar yang lain untuk menstabilkan harga getah. Sebahagian besar getah yang dihasilkan terdiri daripada Getah Mutu Malaysia (SMR) yang berjumlah 75.5%, diikuti lateks sebanyak 20% dan Getah Asap Berbunga, 4.5%.

Perkembangan terkini usaha Kerajaan untuk memajukan lagi sektor kecil getah telah menghasilkan penubuhan *International Tripartite Rubber Cooperation* (ITRCo) di kalangan Malaysia, Indonesia dan Thailand. Dalam usaha meningkat dan menstabilkan harga getah pada paras yang munasabah, ketiga-tiga negara bersetuju untuk melaksanakan dua instrumen kawalan, iaitu *Supply Management Scheme* (SMS) dan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS). SMS bertujuan untuk mengurangkan pengeluaran getah sebanyak 4% melalui usaha mempelbagaikan tanaman, menghadkan penanaman baru dan mempercepatkan program penanaman semula. AETS sebaliknya, bertujuan untuk mengurangkan eksport daripada negara-negara ahli sebanyak 10%. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2002, harga getah meningkat secara purata sebanyak 10% dan merupakan petanda baik bagi ITRCo, selaras dengan objektif penubuhannya yang telah diisytiharkan di Bali pada 12 Disember 2001. Pengisytiharan Bali ini dimeterai dengan perjanjian rasmi yang ditandatangani pada 7 Ogos 2002.

Di bawah dasar pengurusan hutan mapan, jumlah hektar untuk penebangan yang dibenarkan di hutan simpan kekal telah dikurangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh itu, pengeluaran keseluruhan **kayu balak** dijangka tidak mengalami sebarang peningkatan yang ketara. Hanya Sarawak yang masih mengekalkan sebahagian besar pengeluaran dan dengan sumber balak yang lebih tinggi dijangka meningkatkan pengeluarannya sebanyak 15% kepada 14 juta meter padu persegi. Sebaliknya, pengeluaran kayu balak di Semenanjung dijangka merosot 3.7% kepada 4 juta padu, manakala di Sabah sebanyak 15% kepada 2.2 juta padu. Begitu juga, pengeluaran kayu gergaji di Semenanjung dijangka merosot 10% dan Sabah, 5.6% manakala output bagi Sarawak dijangka meningkat 10.5%, khususnya bagi pasaran

eksport di Timur Tengah dan Asia Timur. Secara keseluruhannya, jumlah pengeluaran kayu gergaji dijangka merosot 4.1%.

Nilai ditambah bagi sektor kecil **perikanan** yang terdiri daripada tangkapan laut dan hasil akuakultur dijangka berkurangan 1.7% dan ianya merupakan sumbangan sebanyak 11.7% kepada sektor pertanian pada 2002. Perkembangan yang dicapai dalam industri perikanan mencerminkan minat yang meningkat terhadap ternakan akuakultur, di samping penangkapan ikan laut. Akuakultur menawarkan peluang pelaburan yang luas dalam penternakan ikan air tawar (tilapia merah, keli, patin, jelawat, haruan dan kekutu), ikan air masin (kerapu dan siakap) dan udang serta ikan perhiasan (kelisa, kaloi, *ikan laga*, *ikan emas*, *cichlid*, *discus*, *angel*, *koi*, *barb*, *danio*, dan *guppy*).

JADUAL 2.7

Pengeluaran Pertanian Lain
(‘000 tan metrik)
2001-2002

	Pengeluaran		Perubahan (%)	
	2001	2002 ^a	2001	2002 ^a
Padi	2,100.0	2,570.0	52.5	22.4
Koko	57.7	65.0	-17.9	12.7
Lada Hitam	25.4	30.1	1.6	18.5
Tembakau ¹	75.7	100.9	5.2	33.3
Buah-buahan ²	1,580.0	1,585.7	71.0	0.4
Ternakan				
Daging ³	953.1	1,013.2	6.8	6.3
Telur (‘000) ⁴	6,997.0	7,347.0	5.3	5.0
Susu (‘000) ⁵	32.7	35.9	10.5	10.0
Bunga (juta) ⁶	101.6	101.6	-3.8	0.0
Teh	22.6	-	-4.9	-
Sayur-sayuran	1,030.0	1,060.0	-	2.9
Kopra	2.3	2.2	-	-4.3

¹ Daun tembakau hijau dan kering.

² Termasuk belimbing, betik, nangka, ciku, durian, jambu, langsung, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, tembikai dan buah-buahan tropika lain.

³ Termasuk daging ayam, khinzir dan kambing.

⁴ Biji.


⁵ Liter.

⁶ Potongan.

^a Anggaran.

CARTA 2.7

Nilai Ditambah Komoditi Utama



Sejumlah 290,200 kawasan tanah dan perairan telah dikenal pasti sesuai dibangunkan bagi pelbagai projek akuakultur. Peningkatan 5.8% pengeluaran akuakultur untuk tahun ini menunjukkan potensinya berbanding dengan 2.7% penurunan pengeluaran untuk perikanan laut dalam. Minat yang meningkat terhadap akuakultur adalah disebabkan usaha Kerajaan untuk mempromosi dan memajukan lagi industri ini. Tambahan lagi, kemajuan akuakultur dan kadar kejayaan yang lebih tinggi membolehkan kos ternakan akuakultur dikurangkan dan ini telah menarik lebih ramai pengusaha memasuki industri berkenaan.

Pertanian lain yang terdiri daripada ternakan, koko, padi dan pelbagai tanaman dijangka berkembang 6.7% dan menyumbang hampir satu pertiga daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian. Nilai ditambah **ternakan** dijangka meningkat 6.3% disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging lembu sebanyak 15.3% dan

daging kambing, 12.8%, seperti di *Jadual 2.7*. Pengeluaran susu segar meningkat 10%, diikuti daging khinzir, 6.6%, ayam, 6%, dan telur, 5%. Pengeluaran **koko** dijangka meningkat 3.9% kepada 60,000 tan metrik disebabkan faktor-faktor seperti iklim yang lembap pada separuh kedua dan program pemulihan tanaman yang berterusan yang akan meningkatkan penghasilan sehektar sekitar 11.1%. Sebanyak 70.7% daripada jumlah pengeluaran ini adalah hasil pekebun kecil dan selebihnya daripada estet. Sebaliknya, jumlah keluasan penanaman koko dijangka terus berkurangan 6.4% kepada 65,000 hektar dengan peralihan kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan. Seajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, kawasan penanaman **padi** dijangka bertambah 5.6% kepada 701,000 hektar pada tahun 2002. Pada masa yang sama, usaha bersepadu telah diambil untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor kecil ini melalui menaik taraf prasarana berkaitan, meningkatkan

hasil sehektar serta mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pengurusan penanaman. Dengan demikian, pengeluaran padi dijangka bertumbuh lebih tinggi sebanyak 22.4%, seperti di *Jadual 2.7*.

Pelbagai keluaran pertanian, termasuk buah-buahan, kopra, sayur-sayuran, tembakau, bunga-bunga, lada hitam, nanas dan lain-lain dijangka mencatat peningkatan nilai ditambah sebanyak 9.8% bagi tahun ini. Lada hitam antara komoditi berorientasi eksport, dijangka meningkat 18.5% kerana permintaan luar negeri yang lebih tinggi. Begitu juga dengan pengeluaran tembakau (termasuk daun tembakau kering) dijangka mengembang dengan ketara sebanyak 33.3% disebabkan keadaan cuaca yang lebih baik serta pemberian insentif seperti benih, baja dan peralatan membajak yang diberi oleh pengilang tembakau, di samping infrastruktur dan perkhidmatan sokongan lain yang disediakan oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN). Pengeluaran sayur-sayuran dijangka bertambah 2.9%, manakala jumlah pengeluaran bunga-bunga dijangka tidak berubah oleh sebab tiada kawasan baru yang sesuai dikenal pasti. Pengeluaran buah-buahan dianggarkan meningkat sedikit 0.4%, seperti di *Jadual 2.7*. Dari segi nilai eksport, betik ialah penyumbang terbesar dengan mencatatkan jumlah eksport sebanyak RM111.7 juta ke pasaran utama, seperti Hong Kong SAR, Singapura, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Perancis. Ini diikuti oleh tembikai dengan sumbangan RM51.8 juta. Buah-buahan lain yang berpotensi, termasuk mangga, ciku dan belimbing.

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan terus berkembang...

Sektor perlombongan terus meningkat. Nilai ditambah sektor ini dijangka berkembang sedikit 2% (2001: 1.6%), seperti di *Jadual 2.8*. Perkembangan ini berpunca, terutamanya daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi yang dijangkakan dalam separuh kedua 2002 berikutan kenaikan permintaannya.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, pengeluaran **minyak mentah**, termasuk

kondensat, mencatat sejumlah purata 683,200 tong sehari, mencerminkan peningkatan 1.3% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2001. Begitu juga bagi keseluruhan tahun ini, pengeluaran dijangka meningkat 2.1%, seperti di *Jadual 2.9* dengan purata 682,000 tong sehari (2001 : 668,200 tong sehari) berdasarkan program kerja tahunan. Bagi memastikan simpanan minyak negara yang mapan, pengeluaran minyak mentah, tidak termasuk kondensat, kekal pada tahap 600,000 tong sehari, sejajar dengan matlamat yang ditetapkan di bawah Dasar Susutan Nasional. Simpanan minyak mentah semasa berada pada tahap 3.2 bilion tong. PETRONAS sedang meneruskan usahanya untuk meningkatkan simpanan minyak negara dengan menceburi explorasi laut dalam dan melabur di

JADUAL 2.8

Nilai Ditambah Bagi Sektor Perlombongan 2001-2002

	RM juta		Perubahan (%)	
	2001	2002 ^a	2001	2002 ^a
Sektor perlombongan	15,892	16,207	1.6	2.0
Minyak mentah dan gas asli	15,169	15,488	1.6	2.1
Lain-lain perlombongan	723	719	2.1	-0.6

^a Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.9

Pengeluaran Minyak Mentah dan Gas Asli 2001-2002

			Perubahan (%)	
	2001	2002 ^a	2001	2002 ^a
Petroleum mentah ¹ ('000 tsh) ¹	668.2	682.0	-1.8	2.1
Gas Asli (jkps) ²	4,577	4,864	3.6	6.3

¹ Termasuk kondensat.

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

^a Anggaran.

Sumber: Petrolia Nasional Berhad.

dalam teknologi maju bagi mengesan telaga minyak baru, di samping memperbaiki tahap pengeluaran minyak di telaga yang sedia ada.

Pengeluaran **gas asli** bagi tempoh enam bulan pertama menguncup 8.8% kepada 756,000 juta kaki padu standard (jkps) berbanding dengan 828,500 jkps dalam tempoh yang sama 2001. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran pada tahun ini dijangka meningkat 6.3% kepada 4,864 juta kaki padu standard sehari (jkps) (2001: 4,577 juta jkps). Ini disebabkan terutamanya penggunaan tempatan gas asli, khususnya oleh pengeluar tenaga yang dijangka meningkat 16%. Pada keseluruhannya, penggunaan gas asli bagi Semenanjung Malaysia dijangka meningkat 20% kepada 2,000 jkps. Pada masa ini, simpanan gas asli dianggarkan pada tahap 87.5 trilion kaki padu standard. Bagi memastikan lagi sumber tenaga negara yang mapan, dasar pelbagaian bahan api yang pada permulaannya meliputi penggunaan minyak, arang batu, gas dan hidro telah diperluaskan kepada tenaga yang boleh diperbaharui, seperti biomas, biogas, sisa buangan dan solar, sebagai bahan api kelima.

Pengeluaran timah berkurangan, meskipun terdapat peningkatan permintaan. Ini disebabkan oleh pengurangan jumlah lombong yang aktif, di mana daripada 32 lombong yang dilaporkan pada hujung Mac 2002, hanya 19 dianggap produktif dan lombong-lombong ini pula menghampiri tempoh pajakannya. Lebih-lebih lagi, timah yang digali adalah dari gred yang lebih rendah dan dari kedalaman yang lebih dalam yang mana mengakibatkan kos pengeluaran semakin meningkat.


Sektor Pembinaan

Kerja-kerja awam dan segmen perumahan terus merangsang sektor...

Kegiatan **sektor pembinaan** terus dirangsang oleh pelaksanaan projek di bawah program rangsangan fiskal dan pembangunan perumahan, yang menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 3.8% dalam tahun 2002 (2001: 2.3%) seperti di *Carta 2.8*. Pada masa

CARTA 2.8

Sektor Pembinaan: Nilai Ditambah dan Penunjuk Utama (% Perubahan)



^a Anggaran.

Sumber : Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

yang sama, Kerajaan telah menyemak semula prosidur, peraturan dan garis panduan serta menubuhkan pasukan tugas khas untuk memastikan pelaksanaan projek awam dan projek penswastan dilaksanakan seperti dijadualkan, dan dengan itu memberi kesan yang dikehendaki.

Pembangunan perumahan terus kukuh disebabkan kadar faedah yang rendah dan stabil. Pada masa yang sama, perlanjutan tempoh pengecutan duti setem oleh Kerajaan bagi pembelian rumah untuk tambahan enam bulan dari Januari hingga Jun 2002 telah dapat merangsangkan lagi permintaan.

Kerajaan meneruskan usahanya untuk meningkatkan bilangan rumah kos murah untuk golongan berpendapatan rendah. Untuk tujuan ini, sejumlah RM943 juta telah diperuntukkan

untuk beberapa projek perumahan kos rendah pada tahun ini. Di bawah Program Perumahan Kos Rendah Awam dan Projek Perumahan Rakyat, sebanyak 11,200 unit rumah kos rendah dijangka akan dibina berbanding 7,700 unit pada 2001, peningkatan yang ketara sebanyak 45%. Pada masa yang sama, inisiatif ini dilengkapkan oleh beberapa skim khusus lain yang ditubuhkan untuk membina rumah kos murah dengan dibiayai di bawah beberapa tabung, seperti Dana untuk Rakyat Termiskin, Dana untuk Mempercepatkan Pembinaan Perumahan Kos Murah dan Dana Pusingan untuk Perumahan Kos Murah kepada Syarikat Pembinaan.

Kerajaan terus memantau dan menangani isu harta tanah tidak terjual, terutamanya di dalam sektor kecil **harta tanah komersil**. Untuk tujuan ini, arahan kepada penguasa tempatan supaya tidak meluluskan pembinaan baru pejabat dan ruang komersil terus dikuatkuasakan, kecuali bagi kes-kes khusus. Dasar ini adalah bagi tidak menggalakkan tambahan lagi kepada stok harta tanah. Bagi suku pertama 2002, bilangan unit industri yang tidak terjual mencatat pengurangan 8.7%, sementara ruang kosong di kompleks beli-belah dikurangkan sedikit, iaitu 1.1% berbanding dengan suku terakhir tahun 2001. Sebaliknya, kekosongan bina khas pejabat bertambah sedikit, iaitu 0.7% bagi tempoh yang sama.

Sektor Perkhidmatan

Strategi kerajaan memacu sektor perkhidmatan...


Strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan. Pada 2002, sektor perkhidmatan dijangka mengembang pada kadar 5.3% (2001: 5.7%), seperti di *Carta 2.9*. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar dan merangkumi 57% daripada jumlah KDNK benar (2001: 56.6%). Dalam sektor ini, kegiatannya akan terus berkembang dengan asas pertumbuhan yang meluas. Ini diterajui oleh pertumbuhan yang lebih tinggi daripada sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sektor kecil **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** dijangka meningkat 3.8% (2001: 3%). Pertumbuhan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan di dalam perbelanjaan pengguna dan kegiatan jualan, kesan daripada pertumbuhan ekonomi keseluruhan yang lebih tinggi. Penjualan kenderaan meningkat kepada purata 31,630 unit sebulan dalam separuh pertama tahun ini dibanding dengan purata 26,382 unit sebulan pada tahun 2001, iaitu peningkatan 19.9%. Import barangan penggunaan dalam tempoh enam bulan pertama telah meningkat 8.9% berbanding dengan -1.4% dalam tempoh yang sama dalam tahun 2001.

Usaha Kerajaan untuk mengembang dan memajukan industri pelancongan telah berjaya dalam meningkatkan sumbangannya kepada sektor perkhidmatan. Untuk memperoleh bahagian pasaran pelancongan yang lebih besar, penekanan yang lebih telah diberi ke atas

CARTA 2.9


Sektor Perkhidmatan dan Bukan Perkhidmatan: Peratusan Perubahan dan Sumbangan Kepada KDNK



^a Anggaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 2.10

Ketibaan Pelancong di Malaysia (Julai 2001 - Jun 2002)



Sumber: Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia.

penggalakan pelancongan dan pembangunan produk dengan penubuhan Tabung Khas Pelancongan dengan sejumlah RM400 juta melalui tambahan sebanyak RM200 juta pada 2002. Produk pelancongan baru dalam perancangan adalah pelayaran, pelancongan alam semulajadi, pelancongan pertanian, pelancongan kebudayaan dan warisan, pelancongan sukan serta pelancongan kesihatan. Oleh itu, bilangan ketibaan pelancong dijangka terus menunjuk tren peningkatan berterusan pada 2002. Dalam tempoh Januari - Jun 2002, seperti di *Carta 2.10*, bilangan ketibaan pelancong mencapai purata 1.1 juta, terutamanya dari negara ASEAN, China, Jepun, Taiwan dan India, hasil daripada usaha galakan dan pemasaran gigih oleh Lembaga Kemajuan dan Penggalakkan Pelancongan dan agensi berkaitan bagi menggalakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan utama. Kerajaan terus memberi tumpuan terhadap penggalakan pelancongan di Asia dan Timur Tengah bagi menarik pelawat asing, khususnya dari negara

Timur Tengah, di mana bilangan mereka dijangka meningkat.

Sistem perbankan yang lebih efisien hasil daripada penggabungan bank, prospek ekonomi, global yang lebih baik dan peningkatan keyakinan pengguna terhadap ekonomi adalah antara faktor yang menyumbangkan nilai ditambah yang lebih tinggi dan mapan, iaitu sebanyak 8.2% sektor kecil **kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan**. Peningkatan 4% jumlah pinjaman sistem perbankan kepada pelbagai sektor ekonomi, walaupun ianya lebih rendah daripada sasaran 8% pertumbuhan pinjaman, disebabkan sebahagiannya oleh kadar asas pinjaman bank yang rendah sebanyak 6.39% (Hujung Julai 2001: 6.79%) dan kemudahan pinjaman yang lebih mudah diperolehi. Pertumbuhan dalam sektor kecil ini dirangsang terutamanya oleh prestasi ekonomi yang lebih baik yang mana menggalakkan lagi pinjaman dalam industri perbankan.

Prestasi perkhidmatan telefon mudah alih dan *internet* industri telekomunikasi yang kukuh serta peningkatan aktiviti pemindahan antara kapal di pelabuhan tempatan dijangka terus menyumbang kepada perkembangan sektor kecil **pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** pada kadar 5.4% (2001: 7.5%). Pertumbuhan dalam sektor kecil telekomunikasi, khususnya bilangan pelanggan telefon mudah alih yang dijangka meningkat 38% pada 2002 disebabkan perkhidmatan yang lebih baik, tahap teknologi yang meningkat dan liputan yang lebih meluas. Usaha bersepadu Kerajaan bagi meletakkan Malaysia sebagai ekonomi berasaskan pengetahuan yang bersaing telah membawa kepada pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lebih pesat dalam negara. Pelaburan dalam penggunaan ICT yang merentasi pelbagai sektor ekonomi terus semakin meningkat.

Pembangunan pelabuhan terus menumpu kepada usaha mengembangkan kapasiti, menaik taraf dan menambah kelengkapan dan kemudahan serta meningkatkan kecekapan pelabuhan dan aktiviti berkaitan pelabuhan dengan tujuan menjadikan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sebagai pusat perdagangan dan perkapalan serantau. Ini telah membawa kepada prestasi kukuh daya pemprosesan kontena di enam pelabuhan utama yang merekod peningkatan 14% dari Januari sehingga Mei berbanding peningkatan 2.3% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dengan penempatan semula operasi dua syarikat perkapalan terbesar dunia, iaitu *Maersk Sealand* dan *Evergreen* dari sebuah negara jiran ke Malaysia, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dijangka mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 23% dalam daya pemprosesannya berjumlah 2.5 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEUs) (2001: 2 juta unit TEUs).

Sektor kecil **perkhidmatan kerajaan**, termasuk urusan perkhidmatan awam serta penjagaan keselamatan dan ketenteraman awam, dijangka menyumbang 4.3% kepada KDNK benar berbanding dengan 4.6% pada tahun lalu. Ini disebabkan terutamanya daripada peningkatan keperluan kemudahan untuk perkhidmatan awam, khususnya dalam kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

Sektor kecil **elektrik, gas dan air** dijangka mencatat pertumbuhan mapan sebanyak 7.2%. (2001: 6.9%). Indeks pengeluaran elektrik meningkat pada purata 8.8% dalam tempoh enam bulan pertama (Januari-Jun 2001: 7%). Jumlah jualan elektrik meningkat 5.1% pada separuh tahun pertama (Januari-Jun 2001: 5.1%). Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan kukuh daripada sektor pembuatan yang telah kembali pulih pada awal tahun 2002.

Prestasi Eksport

Pertumbuhan eksport kembali positif...

Dari segi perkembangan sektor luar, prestasi eksport negara pada amnya meningkat semula sejak Mac 2002 setelah mengalami pertumbuhan negatif selama 12 bulan berturut-turut, berikutan pemulihan ekonomi dan perdagangan dunia. Dengan momentum pemulihan ekonomi AS dan ekonomi di rantau Asia Pasifik bertambah kukuh dalam separuh kedua tahun ini, hasil eksport Malaysia dijangka kembali mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.5% pada tahun 2002 (2001: -10.4%).

Perkembangan permintaan luar yang menggalakkan digerakkan terutamanya oleh jangkaan prestasi eksport barangan pembuatan yang lebih baik dan harga komoditi yang lebih tinggi. Pendapatan barangan pembuatan yang menyumbang 86.5% daripada jumlah nilai eksport kasar dijangka meningkat kukuh sebanyak 5.4% (2001: -10.5%), berikutan peningkatan permintaan dunia terhadap barangan elektronik dan produk berkaitan ICT. Sebaliknya, pendapatan daripada eksport perlombongan dijangka berkurangan 18.2% (2001: -11.9%) disebabkan oleh kuantiti dan harga yang lebih rendah, terutamanya petroleum mentah. Walau bagaimanapun, pendapatan komoditi pertanian dijangka kembali kukuh setelah mengalami pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut. Pendapatan eksport sektor ini yang dijangka meningkat 22.9% (2001: -14.7%) adalah disumbangkan sebahagian besar oleh harga minyak sawit yang lebih tinggi.

JADUAL 2.10

**Eksport Kasar
(Januari-Jun)**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Eksport barangan pembuatan:	145,486	146,446	-3.0	0.7	86.1	86.5
Elektronik, elektrik dan jentera	101,188	103,044	-5.7	1.8	59.9	60.9
Tekstil, pakaian dan kasut	4,647	3,964	-6.8	-14.7	2.8	2.3
Keluaran kayu	4,518	4,344	-7.8	-3.9	2.7	2.6
Keluaran getah	2,296	2,246	-1.8	-2.2	1.4	1.3
Makanan, minuman dan tembakau	2,812	3,090	2.4	9.9	1.7	1.8
Keluaran petroleum	5,203	3,781	15.3	-27.3	3.1	2.2
Kimia, keluaran kimia dan plastik	8,792	9,142	11.9	4.0	5.2	5.4
Keluaran galian bukan logam	1,193	1,384	-3.7	16.0	0.7	0.8
Besi, keluli dan keluaran logam	4,328	4,319	3.5	-0.2	2.6	2.6
Kelengkapan pengangkutan	1,264	1,660	-10.2	31.3	0.7	1.0
Pelbagai keluaran perkilangan	9,245	9,472	9.6	2.5	5.5	5.6
Komoditi pertanian utama:	8,050	9,631	-7.8	19.6	4.8	5.7
Minyak sawit	4,546	6,259	-11.4	37.7	2.7	3.7
Kayu gergaji	1,177	1,053	-25.0	-10.5	0.7	0.6
Getah	1,001	1,027	-24.2	2.6	0.6	0.6
Kayu balak	751	688	-38.6	-8.3	0.4	0.4
Minyak isirong kelapa sawit	434	505	-26.1	16.3	0.2	0.3
Lada hitam	113	52	-45.4	-58.8	0.1	0.0
Koko	28	47	124.6	66.7	0.0	0.0
Komoditi perlombongan utama:	12,239	9,778	0.2	-20.1	7.2	5.8
Minyak mentah	6,337	5,236	-1.7	-17.4	3.7	3.1
LNG	5,683	4,268	2.8	-24.9	3.3	2.5
Timah	219	274	-9.6	25.1	0.1	0.2
Eksport lain	3,203	3,481	-33.1	8.7	1.9	2.0
Eksport Kasar	168,978	169,336	-3.8	0.2	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport barangan pembuatan kembali pulih dan mencatat pertumbuhan positif berikutan peningkatan permintaan elektronik dunia...


Eksport barangan pembuatan dijangka pulih pada 2002, seiring dengan permintaan luar yang lebih baik terutama daripada AS dan rantau Asia Pasifik serta jangkaan pemulihan industri elektronik global. Eksport barangan pembuatan pada separuh kedua tahun bertambah kukuh sejajar dengan ekonomi dunia yang beransur pulih dan mata wang ringgit yang lebih kompetitif berikutan penyusutan nilai USD berbanding dengan mata wang yen, euro dan mata wang serantau. Sepanjang tempoh separuh pertama 2002,

penjualan separa konduktor telah bertambah baik di semua rantau utama menandakan pemulihan industri ini dari kemerosotan pada 2001. Penjualan separa konduktor di rantau Asia Pasifik khususnya, kecuali Jepun, mencatat pemulihan kukuh daripada -17.8% pada separuh tahun 2001 kepada 19.3% dalam tempoh yang sama 2002. Ini menunjukkan peningkatan aktiviti *out sourcing* dan penempatan semula operasi syarikat multinasional dari AS dan kawasan Euro ke rantau Asia Pasifik yang dijangka dapat memberi manfaat kepada Malaysia.

Worldwide Semiconductors Trade Statistics mengunjurkan pertumbuhan permintaan dunia bagi separa konduktor meningkat 3% bagi tahun

CARTA 2.11

Pemulihan Eksport Pembuatan Menjadi Lebih Menyeluruh



Sumber: Jabatan Perangkaan.

2002 berbanding kemerosotan sebanyak 32% pada tahun 2001. Bagi keseluruhan tahun, eksport barangan pembuatan dijangka pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 5.4%, didorong oleh eksport keluaran E&E yang menyumbang 70% daripada jumlah keseluruhan eksport barangan pembuatan. Eksport keluaran E&E dijangka meningkat 6.9% (2001: -13.4%). Begitu juga dengan eksport keluaran industri bukan elektronik, yang dijangka berkembang 1.9% (2001: -2.7%), terutamanya bagi industri keluaran makanan, kimia dan keluaran kimia, keluaran bukan logam serta jentera dan kelengkapan pengangkutan, seperti di *Carta 2.11*. Prestasi industri yang semakin baik ini disebabkan oleh peningkatan semula eksport ke AS dan peningkatan perdagangan antara ASEAN serta permintaan kukuh dari China, Kawasan Pentadbiran Khas (SAR) Hong Kong dan Taiwan.

Eksport keluaran elektronik pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif 8.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2002 (Januari-Jun 2001: -10.5%). Sektor ini yang merangkumi separa konduktor

serta perkakasan dan kelengkapan elektronik kekal menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan eksport industri elektronik dengan menyumbang sebanyak 51.9% kepada jumlah eksport barangan pembuatan. Peneraju eksport utama, seperti separa konduktor, papan litar bercetak, *resistor* dan *transformer*, yang kembali mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh empat bulan berturut-turut sejak Mac telah menunjukkan tanda-tanda peningkatan yang berterusan. Terutamanya, eksport separa konduktor ke China, Hong Kong SAR dan Taiwan meningkat pesat dengan nilai eksportnya melebihi eksport separa konduktor ke AS. Eksport perkakasan elektrik isi rumah turut mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 9.2% dan produk *audio-visual* sebanyak 28.9%, dalam tempoh enam bulan pertama 2002.

Pada masa ini, industri kimia merupakan penyumbang kedua terbesar eksport barangan pembuatan, walaupun ianya hanya menyumbang sebanyak 6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan eksport. Oleh yang demikian, industri

kimia tempatan berpotensi untuk terus membangunkan produk hiliran dan mempelbagaikan keluaran eksportnya. Dengan objektif untuk mempelbagaikan asas eksport Malaysia, inisiatif telah diambil termasuk membangunkan Koridor Timur Semenanjung Malaysia yang dilengkapi dengan kemudahan utiliti terpusat bagi kumpulan industri kimia dan petrokimia. Eksport kimia dan keluaran kimia terus berkembang dengan jumlah pendapatan eksport sebanyak RM9,142 juta bagi tempoh enam bulan pertama 2002, (Januari-Jun 2001: RM8,792 juta), seperti di *Jadual 2.11*. Eksport bahan plastik dalam bentuk utama seperti polimer dan resin yang menyumbang 18.9% daripada jumlah pendapatan eksport industri mencatat peningkatan 11.8%, sementara eksport keluaran farmaseutikal melonjak 14.3%.

Malaysia merupakan antara sepuluh pengeksport utama perabot pada tahun lepas. Eksport perabot dan komponennya yang merangkumi 35% daripada jumlah pendapatan eksport berasaskan kayu mengalami pertumbuhan yang pesat. Namun begitu, ekor kelemahan ekonomi dunia pada 2001, eksport perabot pertama kali berkurangan 8.2%. Walau bagaimanapun, dengan pemulihan ekonomi global, eksport perabot mula menunjukkan pemulihan pesat dengan pertumbuhan 9.9%, berjumlah RM1,510 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2002.

Malaysia juga merupakan pengeluar utama sarung tangan getah dan kini membekalkan 70% daripada permintaan dunia bagi sarung tangan bedah dan 50% bagi sarung tangan untuk penggunaan pemeriksaan. Walaupun kuantiti eksport meningkat 28.9% dalam tempoh enam bulan pertama 2002, pendapatan eksport tidak berubah memandangkan penurunan harga eksport dengan bertambahnya kemasukan lebih ramai pengeksport di pasaran.

Bagi eksport tekstil dan pakaian, Malaysia terus berhadapan dengan persaingan sengit dari pengeluar kos rendah. Kesannya, pendapatan eksport berkurangan 14.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2002. Di sebalik persaingan yang sengit, para pengeksport, khususnya pakaian dan jahitan, menjangkakan kenaikan dalam jumlah jualan memandangkan pertumbuhan ekonomi global terus meningkat.

AS, Singapura, Kesatuan Eropah dan Jepun kekal sebagai pasaran eksport utama negara dengan menyumbang 63.1% daripada eksport barangan pembuatan, seperti di *Jadual 2.12*. Eksport ke AS adalah yang terbesar, iaitu sebanyak 23.6%, diikuti dengan Singapura (17.4%), Kesatuan Eropah (12.7%) dan Jepun (9.4%). Walau bagaimanapun, eksport ke Taiwan mencapai kadar pertumbuhan tertinggi, iaitu sebanyak 33.1%, diikuti oleh China (32.8%),

JADUAL 2.11

**Eksport Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik
(Januari-Jun)**

	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2001	2002	2001	2002	2002
Bahan kimia organik	2,549	2,768	28.9	30.3	8.6
Bahan plastik dalam bentuk utama	1,548	1,731	17.6	18.9	11.8
Bahan kimia	1,228	1,182	14.0	12.9	-3.8
Barang-barang plastik	1,297	1,274	14.8	13.9	-1.8
Baja	332	271	3.8	3.0	-18.3
Lain-lain	1,838	1,916	20.8	21.0	4.2
Jumlah	8,792	9,142	100.0	100.0	4.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.12

**Destinasi Utama bagi Eksport Barangan Pembuatan¹
(Januari-Jun)**

	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2001	2002	2001	2002	2002
Amerika Syarikat	32,351	34,330	22.8	23.6	6.1
Singapura	24,644	25,290	17.4	17.4	2.6
Kesatuan Eropah	20,875	18,502	14.7	12.7	-11.4
Jepun	17,187	13,680	12.1	9.4	-20.4
Hong Kong SAR	6,787	7,792	4.8	5.4	14.8
China	4,828	6,410	3.4	4.4	32.8
Taiwan	4,146	5,519	2.9	3.8	33.1
Lain-lain	31,116	33,973	22.0	23.2	9.2
Jumlah	141,934	145,496	100.0	100.0	2.5

¹ Kod Piawaian Perdagangan Antarabangsa (SITC) 1, 5, 6, 7 dan 8.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Hong Kong SAR (14.8%) dan AS (6.1%). Usaha berterusan untuk mempelbagaikan pasaran eksport, termasuk mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa di pasaran tradisi dan pasaran baru seperti Timur Tengah dan Asia Barat.

Eksport Komoditi Utama

Pendapatan daripada komoditi pertanian meningkat berikutan kenaikan harga yang lebih tinggi...

Pendapatan eksport daripada komoditi utama yang terdiri daripada keluaran pertanian dan perlombongan dijangka mencatat sebanyak RM40,022 juta pada 2002. Pada tempoh separuh pertama, pendapatan eksport daripada komoditi **pertanian** mencatat kenaikan 19.6% disebabkan nilai eksport yang lebih tinggi daripada minyak sawit, getah dan sektor kecil pertanian lain. Pendapatan eksport daripada sektor **perlombongan** pula, menguncup ketara sebanyak 20.1%, terutamanya disebabkan permintaan bagi minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) yang semakin berkurangan. Walau

bagaimanapun, dalam separuh kedua tahun, adalah dijangka bahawa permintaan untuk komoditi perlombongan akan mula pulih selepas mengambil kira jangkaan peningkatan dalam permintaan untuk tenaga daripada negara pengimport, seperti Jepun dan Korea berikutan cuaca sejuk. Ini dijangka mengurangkan kemerosotan pendapatan eksport sebanyak 18.2% kepada RM19,398 juta.

Pengeluaran **minyak sawit** yang lebih rendah mengakibatkan pengurangan kuantiti eksport sebanyak 3.3%. Keadaan ini sebaliknya diimbangi oleh kenaikan harga yang menunjukkan tren memberangsangkan sejak November 2001. Dengan itu, pendapatan eksport telah meningkat dengan ketara sebanyak 37.7% seperti di *Jadual 2.13*, terutamanya disebabkan peningkatan nilai seunit sebanyak 43.5% kepada RM1,222 setan. Begitu juga dengan pendapatan eksport daripada **minyak isirong sawit**, turut meningkat tinggi sebanyak 16.3% kepada RM505 juta dalam tempoh yang sama. Jumlah pendapatan eksport ini diramalkan meningkat 11.6% kepada RM942 juta. Pendapatan eksport kayu balak pula dianggar berkurangan RM1,450 juta bagi tahun 2002, berikutan jangkaan kejatuhan kuantiti eksport

JADUAL 2.13

Eksport Komoditi Utama (Januari - Jun)

	2001	2002	Perubahan (%)	
			2001	2002
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	5,339	5,123	30.1	-4.1
Nilai seunit (RM/tan)	851	1,222	-31.9	43.5
Nilai (RM juta)	4,546	6,259	-11.4	37.7
Minyak isirong kelapa				
Kuantiti ('000 tan metrik)	342.7	363.4	46.8	6.0
Nilai seunit (RM/tan)	1,267	1,390	-49.7	9.7
Nilai (RM juta)	434	505	-26.1	16.3
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,234	2,080	-29.6	-6.9
Nilai seunit (RM/meter padu)	336	331	-12.9	-1.6
Nilai (RM juta)	751	688	-38.6	-8.3
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,239	1,140	-13.8	-8.0
Nilai seunit (RM/meter padu)	950	924	-13.1	-2.8
Nilai (RM juta)	1,177	1,053	-25.0	-10.6
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	416	429	-12.6	3.1
Nilai seunit (sen/kg)	241	239	-13.3	-0.4
Nilai (RM juta)	1,000.5	1,026.6	-24.2	2.6
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	14.3	8.7	22.4	-39.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,912	6,018	-55.4	-23.9
Nilai (RM juta)	113	52	-45.4	-53.8
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8.3	10.2	93.6	21.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,390	4,635	16.0	36.7
Nilai (RM juta)	28.2	47.1	124.6	66.7
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7,963	8,128	-3.1	2.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	795.76	644.23	1.5	-19.0
Nilai (RM juta)	6,336.7	5,236.3	-1.7	-17.4
Gas asli cecair (LNG)				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7,772	6,984	-0.8	-10.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	731	611	3.6	-16.4
Nilai (RM juta)	5,683.2	4,268.1	2.8	-24.9
Timah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	11.4	17.8	0.9	56.3
Nilai seunit (RM/kg)	19.32	15.45	-10.4	-20.0
Nilai (RM juta)	219	274	-9.6	25.0
Nilai seunit (RM juta)	20,290	19,410	-8.9	-4.3

¹ Minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit stearin.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

sebanyak 10.7%. Pada masa yang sama, pendapatan eksport **kayu gergaji** dijangka meningkat 2.7% kepada RM2,233 juta, berikutan jangkakan kenaikan nilai unit eksport sebanyak 10% pada separuh kedua tahun.

Jumlah eksport **getah**, sebahagian besarnya daripada jenis SMR dijangka menguncup 9.8% bagi keseluruhan tahun 2002. Ini disebabkan sebahagiannya daripada pengurangan jumlah kawasan penanaman getah dan pengurangan eksport sebanyak 10%, sebagaimana ditentukan oleh ITRCo di bawah Deklarasi Bali 2001. Sebaliknya, harga getah yang meningkat sejak awal tahun dijangka melonjak 32% kepada 300 sen sekilogram. Ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran. Selain terdapat halangan eksport oleh ITRCo ke atas negara-negara pengeluar getah utama, jangkakan kenaikan tawaran getah musim sejuk juga tidak menjadi kenyataan. Sementara itu, permintaan telah meningkat ekoran pemulihan industri tayar dan automobil serta kelonggaran kuota import oleh China.


Bagi tempoh enam bulan pertama 2002, terimaan eksport daripada biji **koko** meningkat 66.7% kepada RM47.1 juta oleh sebab kenaikan mendadak dalam nilai eksport seunit sebanyak 36.7% kepada RM4,634.67 setan metrik. Bagi keseluruhan tahun ini, terimaan eksport dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 38.3% kepada RM78.7 juta disebabkan harga dijangka meningkat 23% kepada RM4,300 setan metrik.

Bagi **lada hitam**, nilai seunit eksport dijangka jatuh kepada RM5,200 setan metrik oleh kerana terdapatnya lebih penawaran dalam pasaran antarabangsa. Kuantiti eksport juga dijangka merosot 2% kepada 25,000 tan metrik pada tahun ini. Dengan itu, terimaan eksport dijangka berkurangan 30.6% kepada RM130 juta.

Kuantiti eksport **minyak mentah** dijangka merosot 8.8% kepada 13.4 juta tan metrik (2001: 14.7 juta tan metrik), manakala harga minyak petroleum yang diramal stabil dalam lingkungan USD24.00 setong, iaitu lebih rendah daripada USD24.92 setong pada tahun 2001. Oleh yang demikian, hasil eksport daripada minyak mentah dijangka merosot 9.8% kepada RM8,792 juta (2001: RM9,751 juta). Begitu juga dengan harga **gas**

CARTA 2.12

Eksport Komoditi Utama



asli cecair (LNG) yang dijangka mencatat pengurangan besar sebanyak 23.2%, sementara kuantiti eksport juga akan berkurangan sedikit 1.9% kepada 15.2 juta tan metrik. Justeru, pendapatan eksport ini dijangka merosot 24.7% kepada RM10,184 juta.

Prestasi Import

Peningkatan import, khususnya barangan perantaraan mencerminkan pengukuhan keyakinan perniagaan...

Dengan peningkatan keyakinan peniaga dan pengguna, nilai kasar import, termasuk kos, insurans dan fret (c.i.f.) dalam tempoh enam bulan pertama 2002, kembali pulih dan meningkat 2.4% (Januari-Jun 2001: -2.5%). Tren ini dijangka berterusan bagi bulan-bulan berikutnya dengan anggaran pertumbuhan sebanyak 6.4% bagi 2002 (2001: -9.9%), didorong oleh kuantiti import yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan harga kenaikan import barangan perantaraan yang berkembang 1% (Januari-Jun 2001: -4.2%), dan menyumbang 71.5% kepada jumlah import. Begitu juga bagi import barangan penggunaan yang meningkat 8.9% (Januari-Jun 2001: -1.4%) dan menyumbang 6.2% kepada jumlah import.

Import **barangan perantaraan** khususnya, meningkat berikutan pemulihan semula pengeluaran barangan pembuatan dan penyelarasan stok. Dengan peningkatan pengeluaran dalam industri elektronik, berikutan pemulihan ekonomi AS dan peningkatan permintaan global untuk barangan teknologi maklumat, import injap dan tiub termionik meningkat ketara sebanyak 9.9% (Januari-Jun 2001: -10.8%). Selaras dengan persekitaran perniagaan dalam negeri yang bertambah baik, import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan terus meningkat dengan ketara sebanyak 38.8% (Januari-Jun 2001: 34.2%), mencerminkan prestasi yang menggalakkan bagi industri kenderaan bermotor dan jualan kenderaan penumpang. Memandangkan pengeluaran dalam sektor pembuatan masih di bawah paras optimum, import bahan api dan pelincir merosot 19.2% (Januari-Jun 2001: 9.1%). Import bekalan perindustrian mencatat pertumbuhan negatif 2.3%, begitu juga alat ganti dan aksesori barangan

modal (kecuali injap dan tiub termionik), -9.2%. Ini sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti pelaburan swasta yang lembap pada separuh pertama tahun ini. Berikutan perbelanjaan pengguna terhadap makanan dan minuman yang berterusan, import bahan utama dan diproses serta komponen yang digunakan dalam industri makanan dan minuman meningkat 4.3%.

Import **barangan modal** yang menyumbang 15.4% kepada jumlah import berkurangan 1% setelah mencatat peningkatan 6.9% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Memandangkan terdapat kapasiti berlebihan dalam ekonomi dalam negeri, import barangan modal selain kelengkapan pengangkutan (industri),

mencatatkan kemerosotan 10% (Januari–Jun 2001: 6.2%). Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memoden dan meningkatkan sistem pengangkutan, import kelengkapan pengangkutan untuk tujuan industri terus meningkat dan berkembang kukuh sebanyak 106.6% (Januari–Jun 2001: 16.5%).

Selaras dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang berterusan, import **barangan penggunaan** meningkat kukuh sebanyak 8.9% (Januari–Jun 2001: -1.4%). Semua komponen barangan penggunaan mencatatkan peningkatan, seperti di *Jadual 2.14*. Peningkatan ketara dicatat bagi import alat kelengkapan pengangkutan (persendirian), iaitu sebanyak 17.2%, manakala

JADUAL 2.14

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir (Januari–Jun)

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Barangan modal	22,880	22,646	6.9	-1.0	16.0	15.4
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	21,124	19,016	6.2	-10.0	14.8	13.0
Alat kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	1,756	3,630	16.5	106.6	1.2	2.4
Barangan perantaraan	103,893	104,902	-4.2	1.0	72.5	71.5
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	2,146	2,237	17.4	4.3	1.4	1.5
Bekalan perindustrian utama dan diproses	31,935	31,191	-4.4	-2.3	22.3	21.3
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	6,128	4,948	9.1	-19.2	4.3	3.4
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	2,561	3,556	34.2	38.8	1.8	2.4
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	22,018	19,983	1.0	-9.2	15.4	13.6
Injap dan tiub termionik	39,105	42,987	-10.8	9.9	27.3	29.3
Barangan penggunaan	8,312	9,053	-1.4	8.9	5.8	6.2
Makanan dan minuman utama dan diproses khusus untuk penggunaan isi rumah	3,475	3,555	10.8	2.3	2.4	2.4
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	62	73	46.8	17.2	0.1	0.1
Barang pengguna lain	4,775	5,425	-9.1	13.6	3.3	3.7
Barang tahan lama	925	1,119	-14.1	21.0	0.6	0.8
Barang separa tahan lama	1,780	2,084	-19.0	17.1	1.3	1.4
Barang tidak tahan lama	2,070	2,222	4.6	7.3	1.4	1.5
Lain-lain (termasuk barang dwi guna)	5,023	6,154	-6.7	22.5	3.5	4.2
Import untuk dieksport semula	3,129	3,901	-4.4	24.7	2.2	2.7
Import Kasar	143,237	146,656	-2.5	2.4	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

barangan penggunaan lain, 13.6% (Januari-Jun 2001: 46.8% dan -9.1%). Import barangan tidak tahan lama, termasuk minyak wangi, bahan kecantikan dan bahan kebersihan diri meningkat 7.3% (Januari-Jun 2001: 4.6%). Import barangan tahan lama yang antara lain, termasuk keluaran elektrik dan bukan elektrik isi rumah, peralatan sukan dan perkakas optik serta alat muzik, meningkat 21% (Januari-Jun 2001: -14.1%), sementara import barangan separa tahan lama, termasuk pakaian dan kasut, kelengkapan rumah dan lain-lain, berkembang 17.1% (Januari-Jun 2001: -19%).

Haluan Perdagangan

AS, Jepun dan Singapura kekal sebagai rakan dagangan utama, dengan kemunculan pasaran baru...

Dengan pertumbuhan eksport kembali positif dan peningkatan import yang pesat, jumlah perdagangan negara telah mencatat peningkatan sederhana sebanyak 1.2% kepada RM316,022 juta pada separuh pertama tahun 2002 (Januari-Jun 2001: -3.2%; Keseluruhan tahun 2001: -10.2%), seperti di *Carta 2.13* dan *Jadual 2.15*. Walaupun peningkatan eksport hanya 0.2%, iaitu kurang berbanding import (2.4%), namun lebihan perdagangan negara masih besar sebanyak RM22,710 juta dalam tempoh tersebut (Januari-Jun 2001: RM25,816 juta). Kedudukan lebihan perdagangan yang menggalakkan ini telah dicatatkan selama 56 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Dari segi haluan perdagangan, tiga rakan dagangan tradisi utama negara, iaitu AS, Jepun dan Singapura, terus menyumbang 48.6% daripada jumlah perdagangan negara (Januari-Jun 2001: 50.7%). Walau bagaimanapun, sumbangan daripada rakan dagangan utama ini telah berkurangan sedikit, dengan aktiviti perdagangan di kalangan negara lain semakin meningkat pesat, terutamanya dari rantau ASEAN (kecuali Singapura) dan dengan Timur Laut Asia (kecuali Jepun). Perubahan struktur perdagangan luar ini adalah sejajar dengan strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan pasaran ke negara-negara bukan tradisi. Dengan itu, jumlah sumbangan perdagangan negara dengan dua rantau ini telah

meningkat kepada 30.7% dalam tempoh kajian (Januari – Jun 2001: 26.5%).

Memandangkan ekonomi **AS** terus pulih, kegiatan perdagangan dengan negara berkenaan berkembang kukuh, iaitu menyumbang 19.4% daripada jumlah perdagangan negara pada separuh pertama 2002 (Januari-Jun 2001: 18.6%). Dengan demikian, AS kekal sebagai rakan dagangan utama negara sejak 1997. Walaupun pertumbuhan import daripada AS (7.1%) meningkat lebih tinggi berbanding eksport (4.8%), Malaysia masih mencatat lebihan perdagangan yang agak besar sebanyak RM9,681 juta (Januari–Jun 2001: RM9,768 juta). Barangan eksport utama ke AS ialah mesin memproses data automatik *portable digital* dan *unit storage*, dan aksesori untuk mesin memproses data automatik dan *walkie-talkie*, kesemuanya berjumlah 28.2% daripada jumlah eksport ke AS. Import utama dari AS ialah alat ganti untuk *microassemblies* dan litar elektronik bersepadu, kapal terbang dan pengangkutan udara lain, dan litar kombinasi *bipolar* dan *mos technology*.

Bagi **Jepun** pula, walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan sedang berlaku, kelembapan keseluruhan aktiviti ekonominya sedikit sebanyak telah menjejaskan permintaan barangan daripada Malaysia. Akibatnya, untuk separuh pertama tahun ini, jumlah eksport ke Jepun merosot dengan ketara sebanyak 20.7%. Import daripada negara tersebut juga merosot 10.4% dalam tempoh yang sama, disebabkan sebahagiannya oleh kenaikan kos barangan Jepun kesan daripada pengukuhan yen berbanding ringgit. Perkembangan ini telah menyebabkan kedudukan Jepun jatuh ke tempat ketiga daripada tempat kedua rakan dagangan terbesar negara. Imbangan perdagangan masih menyebelahi Jepun, memandangkan jumlah eksport Malaysia ke negara berkenaan telah merosot pada kadar yang lebih besar (-20.7%) berbanding import (-10.4%). Kategori eksport utama ialah alat ganti dan aksesori mesin memproses data automatik serta LNG, petroleum dan minyak mentah, sementara import pula terdiri daripada alat ganti *microassemblies* dan litar elektronik bersepadu, batang paip untuk industri minyak dan gas, enjin *piston* dan silinder kenderaan serta kristal elektrik *mounted piezo*.

Berikutan pengurangan perdagangan luar dengan Jepun, **Singapura** kini merupakan rakan

JADUAL 2.15

Haluan Perdagangan (Januari-Jun 2002)

	Eksport		Import		Imbangan Perdagangan		Jumlah Perdagangan	
	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)
Amerika Syarikat	35,538	21.0	25,857	17.6	9,681	42.6	61,395	19.4
Singapura	29,304	17.3	17,759	12.1	11,545	50.8	47,063	14.9
Jepun	19,161	11.3	25,903	17.7	-6,742	-29.7	45,064	14.3
Kesatuan Eropah	21,033	12.4	16,531	11.3	4,502	19.8	37,564	11.9
United Kingdom	4,122	2.4	3,064	2.1	1,058	4.7	7,186	2.3
Jerman	3,566	2.1	5,200	3.5	-1,634	-7.2	8,766	2.8
Belanda	6,498	3.8	1,210	0.8	5,288	23.3	7,708	2.4
Perancis	2,296	1.4	1,958	1.3	338	1.5	4,254	1.3
Ireland	528	0.3	1,405	1.0	-877	-3.9	1,933	0.6
Itali	835	0.5	1,198	0.8	-363	-1.6	2,033	0.6
Negara Kesatuan Eropah lain	3,188	1.9	2,496	1.8	692	3.0	5,684	1.9
ASEAN (kecuali Singapura)	15,548	9.2	15,877	10.8	-329	-1.4	31,425	9.9
Thailand	7,327	4.3	6,014	4.1	1,313	5.8	13,341	4.2
Indonesia	3,393	2.0	4,477	3.1	-1,084	-4.8	7,870	2.5
Filipina	2,502	1.5	4,607	3.1	-2,105	-9.3	7,109	2.2
Brunei	456	0.3	6	0.0	450	2.0	462	0.1
Myanmar	450	0.3	141	0.1	309	1.4	591	0.2
Negara ASEAN lain	1,420	0.8	632	0.4	788	3.5	2,052	0.7
Timur Laut Asia (kecuali Jepun)	29,622	17.5	30,152	20.6	-530	-2.3	59,774	18.9
China	8,855	5.2	10,481	7.1	-1,626	-7.2	19,336	6.1
Taiwan	6,689	4.0	8,405	5.7	-1,716	-7.6	15,094	4.8
Korea Selatan	5,500	3.2	7,628	5.2	-2,128	-0.7	13,128	4.2
Hong Kong SAR	8,565	5.1	3,635	2.6	4,930	21.8	12,200	3.8
Negara Timur Laut Asia lain	13	0.0	3	0.0	10	0.0	13	0.0
Asia Barat	3,638	2.1	2,313	1.6	1,325	5.8	5,951	1.9
Arab Saudi	716	0.4	768	0.5	-52	-0.2	1,484	0.5
Emiriyah Arab Bersatu	1,512	0.9	182	0.1	1,330	5.9	1,694	0.5
Yaman	150	0.1	540	0.4	-390	-1.7	690	0.2
Iran	419	0.2	280	0.2	139	0.6	699	0.2
Negara Asia Barat lain	841	0.5	543	0.4	298	1.2	1,384	0.5
Australia	3,638	2.1	2,593	1.8	1,045	4.6	6,231	2.0
New Zealand	556	0.3	623	0.4	-67	-0.3	1,179	0.4
Asia Selatan	4,672	2.8	1,376	0.9	3,296	14.5	6,048	1.9
Eropah Tengah dan Timur	610	0.4	249	0.2	361	1.6	859	0.3
Afrika	1,736	1.0	575	0.4	1,161	5.1	2,311	0.7
Negara lain	4,310	2.6	6,848	4.6	-2,538	-11.1	11,158	3.5
Jumlah	169,366	100.0	146,656	100.0	22,710	100.0	316,022	100.0


Sumber: Jabatan Perangkaan.

dagangan kedua terbesar. Walau bagaimanapun, jumlah perdagangannya merosot kepada 14.9% (Januari-Jun 2001: 15.1%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan import yang berterusan sebanyak 4.8% (Januari-Jun 2001: -8.2%). Pengurangan import ini mencerminkan pertambahan kegiatan perdagangan luar negara secara langsung melalui pelabuhan tempatan. Pada masa yang sama, eksport meningkat

sederhana sebanyak 2.8% (Januari-Jun 2001: -9.1%). Oleh sebab jumlah penerimaan eksport adalah melebihi import, Malaysia terus mencatat lebihan perdagangan dengan Singapura sebanyak RM11,545 juta (Januari-Jun 2001: RM9,858 juta). Barangan seperti alat ganti dan mesin memproses data automatik, litar *monolithic* dan *hybrid* bersepadu merupakan kategori utama eksport, menyumbang 17.7% kepada jumlah eksport,

CARTA 2.13

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan.

sementara minyak premium dan spirit motor, litar *monolithic* bersepadu dan litar kombinasi *bipolar* dan *mos technology* merupakan kategori import utama.

Perdagangan dengan **EU** turut berkurangan, di mana jumlah eksport merosot 10% dan import, 11.7%, pada separuh pertama 2002. Prestasi ekonomi rantau itu yang kurang memberangsangkan telah menyebabkan perdagangan luar menjadi lebih rendah. Namun begitu, memandangkan jumlah eksport adalah melebihi import, Malaysia masih berupaya mengekalkan kedudukan lebihan perdagangan dengan EU sebanyak RM4,502 juta (Januari-Jun 2001: RM4,657 juta). Di kalangan rantau EU, Jerman kekal sebagai rakan dagangan utama, menyumbang 2.8% daripada jumlah perdagangan luar Malaysia, diikuti oleh Belanda (2.4%) dan United Kingdom (2.3%). Jumlah perdagangan

keseluruhan dengan tiga ekonomi ini berjumlah RM23,660 juta (Januari-Jun 2001: RM26,807 juta).

Memandangkan persekitaran ekonomi rantau **ASEAN** (kecuali Singapura) yang menggalakkan berikutan dengan pemulihan ekonomi dunia, perdagangan luar dengan rantau ini telah meningkat kukuh sebanyak 12.6% serta menyumbang 9.9% daripada jumlah perdagangan negara pada separuh pertama tahun ini (Januari-Jun 2001: -2.6%, 8.9%). Walau bagaimanapun, kegiatan perdagangan luar ini agak memihak kepada negara-negara berkenaan, di mana Malaysia telah mengalami defisit sebanyak RM329 juta (Januari-Jun 2001: +RM308 juta). Ini disebabkan peningkatan import yang lebih kukuh sebanyak 15%, lebih tinggi daripada eksport, 10.2%. Kategori eksport utama meliputi alat ganti dan aksesori mesin memproses data automatik, alat ganti untuk *microassemblies* dan litar

elektronik bersepadu dan *monolithic* bersepadu yang menyumbang sebanyak 12.4% daripada jumlah eksport. Barangan import utama pula terdiri daripada lateks getah asli, litar *hybrid* bersepadu, alat ganti *inductor* serta litar kombinasi *bipolar* dan *mos technology*. Walaupun Malaysia mengalami defisit perdagangan sebanyak RM3,189 juta dengan Filipina dan Indonesia, negara masih mencatat lebihan perdagangan dengan Thailand, Brunei dan Myanmar, kesemuanya berjumlah RM2,072 juta.

Seperti di rantau ASEAN, prestasi perdagangan Malaysia dengan **Timur Laut Asia** (kecuali Jepun) adalah lebih baik dalam tempoh yang sama. Kegiatan perdagangan dengan rantau ini telah meningkat dengan ketara sebanyak 25.4% dan mencatat peratusan sumbangan lebih tinggi sebanyak 18.9% daripada jumlah perdagangan negara (Januari–Jun 2001: -6.1%, 15.3%). Walau bagaimanapun, negara telah mengalami defisit perdagangan dengan negara-negara di rantau ini sebanyak RM530 juta (Januari–Jun 2001: +RM2,815 juta). Ini memandangkan bahawa jumlah import meningkat dengan kukuh sebanyak 34.4% berbanding eksport 17.4%. Pertumbuhan import yang lebih kukuh ini sebahagiannya mencerminkan inisiatif syarikat Malaysia untuk mendapatkan sumber import daripada negara lain, termasuk Timur Laut Asia. Di kalangan rantau ini, China kekal sebagai rakan dagangan terbesar iaitu menyumbang 6.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Taiwan (4.8%), Korea Selatan (4.2%) dan Hong Kong SAR (3.9%). Kategori eksport utama ialah litar *monolithic* digital, bersepadu, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, separa konduktur *oxide metal*, perkakasan transmisi *reception*, serta minyak sawit, minyak mentah dan petroleum dan LNG kesemuanya menyumbang 31.8% daripada jumlah eksport. Barangan import utama dari rantau tersebut terdiri daripada litar *hybrid* bersepadu, litar bercetak, alat ganti litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, separa konduktur *oxide metal*, tiub gambar televisyen *cathode-ray* dan berwarna, alat ganti truk bagi kegunaan di lapangan terbang dan kereta api.

Perdagangan luar dengan rantau **Asia Barat**, adalah kecil berjumlah 1.9% daripada keseluruhan perdagangan Malaysia (Januari – Jun 2001: 2.3%). Eksport terus meningkat dengan

sederhana sebanyak 4.4% (Januari – Jun 2001: 11.6%), sementara import merosot 36.6% (Januari– Jun 2001: 14.5%). Prestasi permintaan luar negara yang lebih baik ini mencerminkan kejayaan usaha Kerajaan dalam menggalak pengeksport untuk meneroka dan mempelbagaikan lagi pasaran, di samping hasil daripada promosi perdagangan yang sedia ada. Oleh itu, Malaysia berupaya mencatat lebihan perdagangan dengan Asia Barat sebanyak RM1,325 juta (Januari – Jun 2001: -RM164 juta). Di kalangan rantau Asia Barat, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu merupakan rakan perdagangan utama dengan masing-masing menyumbang sebanyak 0.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Yemen dan Iran, masing-masing menyumbang sebanyak 0.2%. Eksport utama ke rantau tersebut ialah barang kemas dan logam berharga, kelengkapan pengangkutan dan alat penerima televisyen berwarna, manakala import adalah petroleum dan minyak mentah.

Imbangan Pembayaran

Kekal mencatat lebihan yang besar...

Kedudukan keseluruhan **imbangan pembayaran** Malaysia dijangka mencatat lebihan bagi dua tahun berturut-turut. Ini berpunca daripada lebihan dalam akaun semasa. Namun begitu, lebihan dalam akaun semasa dijangka mengecil, disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan defisit dalam akaun pendapatan. Namun begitu, akaun semasa dijangka kekal kukuh pada RM23,232 juta atau bersamaan 7.1% (2001: 9%) daripada KNK. Sementara itu, akaun kewangan dijangka mencatat aliran keluar yang lebih kecil, menggambarkan pengaliran masuk daripada pelaburan langsung dan pengaliran keluar yang lebih kecil bagi pelaburan lain.

Walaupun kadar pertumbuhan import lebih tinggi daripada eksport, **komponen barangan** dalam akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan berjumlah RM68,190 juta (2001: RM69,854 juta). Lebihan ini adalah hasil daripada peningkatan dalam eksport kedua-dua barangan pembuatan dan keluaran pertanian. Eksport (harga p.a.k.) dijangka meningkat 4.5% (2001: -10.6%)

JADUAL 2.16

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)
2001-2002

	2001			2002 ^e		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	334,326	264,472	69,854	349,471	281,281	68,190
Perkhidmatan	54,929	63,295	-8,366	59,582	68,277	-8,695
Pengangkutan	10,443	21,795	-11,352	10,640	23,645	-13,005
Perjalanan	26,081	9,933	16,148	28,631	10,473	18,158
Perkhidmatan lain	17,932	31,119	-13,187	19,819	33,692	-13,873
Urus niaga Kerajaan	473	448	25	492	467	25
Pendapatan	7,018	32,641	-25,623	7,199	34,979	-27,780
Pampasan pekerja	1,395	2,409	-1,014	1,489	2,636	-1,147
Pendapatan pelaburan	5,623	30,232	-24,609	5,710	32,343	-26,633
Pindahan semasa	2,040	10,218	-8,178	2,059	10,542	-8,483
Imbangan akaun semasa	398,313	370,626	27,687	418,311	395,079	23,232

^e Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

manakala import (harga p.a.k) dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 6.4% (2001: -10.3%).

Komponen perkhidmatan imbangan pembayaran yang merangkumi pengangkutan, perjalanan, perkhidmatan lain dan urus niaga kerajaan dijangka mencatat defisit berjumlah RM8,695 juta (2001: -RM8,366 juta), akibat pengaliran keluar yang lebih tinggi daripada pengangkutan dan perkhidmatan lain. Aliran masuk dalam akaun pengangkutan dijangka meningkat 1.9% pada 2002 (2001: -1.9%), berikutan langkah kerajaan yang berterusan untuk mempromosi penggunaan pelabuhan dan perkhidmatan perkapalan tempatan, khususnya Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai pusat pemunggahan serantau.

Aliran masuk bersih dalam akaun **perjalanan** yang merangkumi perbelanjaan perjalanan perniagaan dan persendirian serta bayaran untuk pendidikan dan haji/umrah, dijangka meningkat 12.4% selepas mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 44.7% pada 2001. Terimaan perjalanan dianggar meningkat 9.8% (2001: 37%)

disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan dalam bilangan pelancong berjumlah 12.5 juta pada 2002 (2001: 10.8 juta). Prestasi yang menggalakkan dalam akaun perjalanan adalah disebabkan oleh promosi pelancongan secara intensif serta kesan menjadi tuan rumah kepada beberapa acara sukan antarabangsa seperti Piala Dunia Hoki dan Malaysian Grand Prix (Formula One). Aliran keluar dalam akaun perjalanan dijangka meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah, iaitu 5.4% kepada RM10,473 juta (2001: 26%), disumbangkan sebahagian besarnya oleh perbelanjaan untuk perjalanan perniagaan dan pendidikan.

Bagi **transaksi kerajaan**, akaunnya dijangka terus mencatat aliran masuk bersih yang kecil berjumlah RM25 juta pada 2002 (2001: RM25 juta). Pembayaran meningkat 4.2% kepada RM467 juta pada 2002 (2001: -18.5%) terdiri sebahagian besarnya daripada perbelanjaan kedutaan Malaysia dan bantuan teknikal yang diberi oleh Kerajaan kepada negara-negara membangun lain. Terimaan dijangka meningkat 4% (2001: -3.1%), terdiri sebahagian besarnya daripada perbelanjaan kedutaan asing.

Terimaan daripada pendapatan pelaburan yang merangkumi pulangan daripada aset Bank Negara Malaysia dan pendapatan pelaburan rakyat Malaysia di luar negara dijangka meningkat kecil sebanyak 1.5% kepada RM5,710 juta (2001: -10% and RM5,623 juta). Memandangkan penerimaan daripada pelaburan rakyat Malaysia di luar negara tidak mungkin melebihi pengaliran keluar keuntungan dan dividen oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia, **akaun pendapatan** dijangka mencatat defisit berjumlah RM26,633 juta (2001: -RM24,609 juta).


Dengan kehadiran sejumlah besar bilangan pekerja asing di negara ini, aliran keluar bersih **pindahan semasa** yang terdiri sebahagian besarnya daripada penghantaran balik wang oleh mereka dijangka terus meningkat kepada

RM8,483 juta berbanding RM8,178 juta pada 2001. Jumlah bayaran pindahan semasa dijangka lebih tinggi, meningkat 3.2% (2001: 0.3%), sementara terimaan pindahan semasa dianggarkan meningkat 0.9% (2001: -29%).

Akaun kewangan yang merangkumi pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain dijangka bertambah baik dengan aliran keluar berkurangan secara ketara kepada RM3,300 juta (2001: -RM14,791) juta. Akaun **pelaburan langsung** khususnya, dijangka mencatat aliran masuk bersih berjumlah RM3,000 juta (2001: RM1,091 juta). Sebaliknya, akaun **pelaburan lain**, termasuk pinjaman, kredit perniagaan dan simpanan bank, dijangka mencatat defisit yang lebih kecil berjumlah RM6,300 juta (2001: -RM13,416 juta).

CARTA 2.14

Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Rizab antarabangsa Malaysia bertambah baik sejak Jun 2001, berbanding penurunan pada awal 2001. Pada 30 Ogos 2002, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM130,128 juta (USD34,224 juta), peningkatan RM12,904 juta (USD3,396) juta berbanding tahap pada akhir 2001. Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh. Peningkatan rizab ini mencerminkan aliran masuk yang berterusan daripada perdagangan dan pelaburan langsung yang mengimbangi lebih daripada pembayaran perkhidmatan dan bayaran balik hutang luar negara.

Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber kekal kukuh, sungguhpun kadar tabungan berkurangan...


Selaras dengan peningkatan rizab antarabangsa, asas-asas ekonomi negara dijangka terus bertambah kukuh. Ini disokong sebahagiannya oleh jangkaan lebih **sumber negara** yang besar, meskipun jumlahnya lebih rendah, sebanyak RM23,232 juta atau 7.1% daripada KNK pada tahun 2002 (2001: RM27,687 juta, 9% daripada KNK). Paras lebih ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan **tabungan kasar negara** yang lebih sederhana sebanyak 3.2% kepada RM110,781 juta atau 33.8% daripada KNK (2001: -13.9%, RM107,372 juta, 34.8% daripada KNK) berbanding perbelanjaan **keseluruhan pelaburan negara** (termasuk perubahan dalam stok) yang lebih kukuh. Perbelanjaan pelaburan swasta yang mula meningkat dan perbelanjaan pembangunan sektor awam yang meningkat sederhana dijangka meningkatkan pelaburan keseluruhan sebanyak 9.9% kepada RM87,549 juta atau 26.7% daripada KNK (2001: -14.1%, RM79,685 juta, 25.8% daripada KNK). Sebaliknya, pertumbuhan mapan dalam perbelanjaan keseluruhan penggunaan dalam nilai semasa bertambah pada kadar 7.8% (2001: 6.9%), berbanding pendapatan negara yang meningkat agak kukuh sebanyak 6.1% (2001: -1.4%). Kedudukan ini dijangka mengurangkan paras tabungan kasar negara.

Paras tabungan **sektor swasta** dianggap berkurangan sedikit kepada 15.3% daripada KNK

pada tahun 2002 (2001: 17.6%) akibat daripada jangkaan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi (7.5%) berbanding peningkatan pendapatan boleh guna (3.5%). Namun begitu, sektor swasta dijangka masih mempunyai lebih sebanyak 4.4% daripada KNK (2001: 6.9%). Kedudukan mudah tunai yang berlebihan dalam sektor swasta membolehkan **sektor awam** untuk terus membiayai sebahagian daripada defisitnya melalui sumber-sumber dalam negeri. Walau bagaimanapun, kedudukan sumber sektor awam dijangka masih dalam lebih tetapi pada paras yang rendah sebanyak 2.7% daripada KNK (2001: 2.1%) berbanding dengan 9.1% daripada KNK semasa krisis kewangan 1997. Ini disebabkan oleh impak dasar fiskal mengembang dengan perbelanjaan pelaburan sebanyak 15.8% daripada KNK, rendah sedikit daripada paras kadar tabungan sebanyak 18.5% daripada KNK.

CARTA 2.15

Jurang Tabungan-Pelaburan¹



¹ termasuk perubahan dalam stok

Harga

Inflasi kekal rendah...

Tekanan inflasi masih tidak membimbangkan dalam suasana pemulihan ekonomi sederhana di dalam dan luar negeri, khususnya dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Tingkat harga umum bagaimanapun, dijangka menghadapi sedikit tekanan dalam separuh kedua tahun, berikutan momentum pemulihan yang cepat dirangsang oleh peningkatan permintaan dalam dan luar negeri. Lebihan keupayaan di sektor tertentu yang telah membantu membendung tekanan inflasi dalam suku-suku tahun terakhir dijangka dapat digunakan sepenuhnya. Indeks Harga Pengeluar (IHPG) yang mengalami pertumbuhan negatif sejak pertengahan 2000 kembali positif sejak penghujung 2001, meletakkan sedikit tekanan ke atas harga. Walau bagaimanapun, inflasi import dijangkakan kekal rendah, selaras dengan kadar inflasi yang rendah di negara-negara perindustrian lain. Secara keseluruhan, inflasi bagi tahun 2002 dijangka dapat dibendung pada 1.9%.

Indeks Harga Pengguna

Inflasi dibendung dengan berkesan, walaupun harga meningkat kecil...

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2002, hanya sebilangan kecil kumpulan utama dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatat kenaikan harga berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Daripada sembilan kategori utama IHP, enam daripadanya mencatatkan kenaikan harga (2001:8), sementara selebihnya mencatat kejatuhan harga (2001: 1). Pada umumnya, kenaikan IHP dalam kumpulan utama ini adalah lebih rendah kecuali bagi kumpulan pengangkutan dan perhubungan, minuman dan tembakau serta pelbagai barangan dan perkhidmatan yang mencatatkan kadar kenaikan yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 2.17*. Walau bagaimanapun, IHP secara keseluruhan meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 1.8% (Januari - Julai 2001: 1.5%), disebabkan sebahagian besar oleh kenaikan ketara dalam kumpulan pengangkutan dan perhubungan (6.4%), berpunca daripada

langkah pelarasan tarif baru telekomunikasi yang diperkenalkan dalam bulan Mac serta kenaikan harga petrol dan disel dalam bulan Mei dan struktur tambang bagi pengangkutan awam. Di bawah pelarasan tarif baru, caj ke atas panggilan tempatan telah dinaikkan kepada lapan sen bagi setiap dua minit pertama dan empat sen bagi setiap minit berikutnya. Bayaran bagi panggilan jarak jauh, sebaliknya telah diturunkan daripada 13 sen kepada 10 sen seunit dengan kadar yang berbeza mengikut jarak dan waktu. Memandangkan panggilan tempatan lebih banyak digunakan, kenaikan tarif ini menyebabkan indeks bagi bayaran telefon meningkat dan menyumbang 45% kepada kenaikan keseluruhan IHP.

JADUAL 2.17


Indeks Harga Pengguna (2000=100)

	Wajaran	Perubahan Tahunan (%)		
		2001	2001	2002
		(Jan-Julai)		
Jumlah	100.0	1.4	1.5	1.8
Makanan	33.8	0.7	0.7	0.6
Minuman dan tembakau	3.1	4.8	4.7	5.0
Pakaian dan kasut	3.4	-2.6	-2.4	-2.4
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	1.4	1.5	0.8
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	0.1	0.1	-0.4
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	2.9	2.8	2.4
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	3.6	4.0	6.4
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	-0.1	0.3	-0.1
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	0.7	0.5	1.1
Semenanjung Malaysia		1.5	1.6	2.0
Sabah		0.6	0.7	0.6
Sarawak		0.8	1.0	0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 2.16

Indeks Harga Pengguna (2000 = 100)



Di bawah mekanisme sistem harga automatik, pengguna dikenakan bayaran harga tetap bagi petrol, disel dan gas memasak, sementara Kerajaan menanggung kenaikan harga petrol dalam bentuk subsidi atau cukai yang dilepaskan. Pada 2001, Kerajaan telah membelanjakan RM3.3 bilion dalam bentuk subsidi semasa harga petroleum antarabangsa meningkat secara purata kepada USD24.92 setong. Dalam usaha mengurangkan subsidi dan untuk memastikan pengguna tidak menanggung beban, kenaikan kecil sebanyak dua sen seliter bagi petrol dan satu sen sekilogram bagi gas telah diumumkan pada Mei 2002.

Kenaikan harga ikan, susu dan telur serta makanan di luar rumah diimbangi oleh kejatuhan harga-harga daging, gula, buah-buahan dan

sayur-sayuran serta minyak dan lemak haiwan, seperti di *Jadual 2.18*. Justeru, kumpulan makanan yang merupakan salah satu kumpulan utama yang menyumbang satu pertiga daripada jumlah perbelanjaan isi rumah cuma mencatatkan kenaikan harga yang kecil. Dengan itu, makanan menyumbang hampir 10% kepada kenaikan dalam IHP berbanding dengan 17% tahun lepas.

IHP Mengikut Kumpulan Pendapatan

Kumpulan berpendapatan rendah menikmati harga yang lebih baik...

Kumpulan berpendapatan rendah kurang menerima kesan daripada kenaikan harga berbanding dengan purata nasional. Bagi kumpulan berpendapatan kurang daripada

JADUAL 2.18

Indeks Harga Pengguna Bagi Makanan (2000=100)

	Wajaran	Perubahan Tahunan (%)		
		2001	2001	2002
		(Jan-Julai)	(Jan-Julai)	(Jan-Julai)
Jumlah Makanan	33.8	0.7	0.7	0.6
Makanan di rumah	24.1	0.4	0.3	0.1
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	0.2	0.2	0.1
Daging	3.4	0.0	-0.3	-1.6
Ikan	4.9	3.5	3.6	1.3
Susu dan telur	2.1	-0.2	-1.2	1.2
Minyak dan lemak	0.8	-6.4	-7.2	0.6
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.0	-1.0	-0.7	-0.6
Gula	0.5	-0.1	0.1	-2.1
Kopi dan teh	0.8	0.1	-0.1	0.3
Makanan lain	1.1	-0.2	-0.2	0.2
Makanan di luar rumah	9.7	1.3	1.5	1.8

Sumber: Jabatan Perangkaan.

RM1,000 sebulan, kenaikan harga adalah sebanyak 1.2%, sementara bagi yang **berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan**, kenaikannya sebanyak 1.4% berbanding dengan purata nasional yang lebih tinggi sebanyak 1.8%. Kumpulan yang berpendapatan rendah turut mengalami kesan daripada kenaikan harga pengangkutan dan perhubungan serta makanan. Walau bagaimanapun, memandangkan kumpulan berpendapatan rendah kurang berbelanja untuk panggilan telefon, caj panggilan tempatan yang lebih tinggi tidak memberi kesan ketara terhadap mereka, menyumbang 56%-59% kepada kenaikan IHP keseluruhan kumpulan itu berbanding 71% bagi purata nasional. Sebaliknya, harga minuman keras dan tembakau yang lebih tinggi, khususnya tembakau berikutan kenaikan cukai jualan sebanyak 20% yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2002, telah menyebabkan kenaikan yang ketara dalam IHP bagi kumpulan berpendapatan rendah. Dengan demikian, walaupun minuman dan tembakau hanya merupakan bahagian yang kecil sebanyak 4.1% daripada jumlah perbelanjaan kumpulan berpendapatan rendah, ianya adalah penyumbang kedua terbesar sebanyak 18.8%-21.8% kepada kenaikan IHP bagi kumpulan tersebut berbanding dengan peringkat nasional (9.4%).

IHP Mengikut Wilayah

Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan luar bandar kurang terjejas dengan kenaikan harga...

Perbezaan pergerakan harga antara wilayah adalah lebih ketara. IHP bagi **Semenanjung Malaysia** meningkat 2%, lebih tinggi daripada purata nasional (1.8%), sementara kenaikan di **Sabah** dan **Sarawak** lebih rendah iaitu 0.6% dan 0.9%. Di Semenanjung, walaupun sistem pemasaran makanan lebih maju, ia menghadapi kekangan bekalan, khususnya makanan laut, ikan dan sayur-sayuran. Oleh itu, pergerakan harga makanan secara relatifnya terdedah kepada perubahan. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2002, harga makanan meningkat 0.8%. Sebaliknya, dengan bekalan makanan yang


berlebihan, terutama makanan laut dan sayur-sayuran di Sabah dan Sarawak, harga kekal stabil. Oleh itu, harga makanan di Sabah mencatatkan kejatuhan 0.7% sahaja, sementara di Sarawak, harga kekal stabil.

Sewa rumah mewakili 81% daripada jumlah perbelanjaan pengguna ke atas kumpulan sewa kasar, bahan api dan kuasa. Di Semenanjung, lebih penawaran rumah kediaman menahan kenaikan harga sewa. Dengan itu, harga bagi kumpulan sewa kasar, bahan api dan kuasa hanya meningkat sedikit 1%. Di Sabah dan Sarawak, harga kumpulan sewa kasar, bahan api dan kuasa merosot 0.3%. Ini disebabkan permintaan terhadap rumah sewa amat kurang memandangkan kebanyakan penduduk mendiami rumah sendiri serta amalan menawarkan diskaun untuk tempoh sewaan yang lama masih dilaksanakan. Pergerakan harga yang berbeza bagi pengangkutan dan perhubungan juga ketara disebabkan perbezaan tahap aksesibiliti dan mobiliti penduduk serta jenis pengangkutan di ketiga-tiga wilayah. Di Semenanjung yang kebanyakan penduduknya menggunakan pengangkutan sendiri, di samping harga bahan api yang lebih tinggi, IHP bagi pengangkutan dan perhubungan meningkat lebih tinggi 6.9%. Dengan infrastruktur jalan dan jumlah kenderaan persendirian yang terhad, peningkatan kategori ini di Sabah hanya 4.6%, manakala di Sarawak, 4%.

IHP bagi **kawasan bandar** lebih tinggi pada 2% berbanding dengan purata nasional 1.8%, sementara bagi **kawasan luar bandar** adalah 1.5%, disebabkan terutamanya oleh perbezaan harga bagi makanan, pengangkutan dan perhubungan serta sewa. Harga makanan di kawasan luar bandar secara amnya lebih rendah, meningkat cuma 0.2% berbanding dengan 0.9% di kawasan bandar. Begitu juga, sewa di luar bandar adalah rendah, meningkat 0.5%. Sebaliknya, penduduk di kawasan bandar berbelanja lebih untuk keperluan umum, umpamanya telefon, pengangkutan awam dan riadah, seperti yang ditunjukkan dalam peningkatan lebih tinggi bagi indeks-indeks kategori tersebut.

CARTA 2.17

Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Indeks Harga Pengeluar

Peningkatan IHPG berikutan kenaikan harga komoditi...

Harga pengeluar terus meningkat sederhana, kecuali minyak dan lemak yang mencatat perubahan ketara daripada kejatuhan 33.8% bagi tempoh Januari-Julai 2001 kepada kenaikan 50% (Januari – Julai 2002), seperti di *Jadual 2.19*. Perubahan yang besar ini disumbangkan terutama oleh peningkatan ketara dalam harga minyak sawit. Minyak sawit mencatatkan kejatuhan rendah USD240 setan metrik pada 2001 disebabkan limpahan stok yang banyak ekoran lebihan hasil tuaian sepanjang tempoh 1999-2000, dan diburukkan lagi oleh lambakan dalam pasaran minyak dan lemak dunia. Harga telah pulih mencecah USD383 setan metrik sejak Ogos

2002. Cuaca kering pada masa ini, dijangka memberi kesan kepada pengeluaran dan hasil minyak soya dan mengakibatkan pengurangan dalam bekalan minyak soya dunia. Selaras dengan itu, harga minyak sawit diramalkan kekal tinggi pada USD375 setan metrik sehingga penghujung tahun.

Indeks bagi bahan mentah juga mencatat pemulihan ketara daripada kejatuhan 6.7% kepada peningkatan 3.4%. Kumpulan makanan dan haiwan yang boleh dimakan serta minyak dan lemak haiwan dan sayuran-sayuran juga meningkat. Dengan peningkatan ini, ketiga-tiga kategori tersebut menyumbang 42.4% kepada peningkatan IHPG bagi tempoh tersebut.

IHPG bagi **pengeluaran tempatan** meningkat sederhana sebanyak 1.8% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2002, sementara **import**

JADUAL 2.19

Indeks Harga Pengeluar (1989=100)


	Wajaran	Perubahan Tahunan (%) (Jan-Julai)		
		2001	2001	2002
Ekonomi tempatan	100.0	-5.0	-4.6	1.3
Makanan dan haiwan hidup yang boleh dimakan	14.9	0.4	0.8	0.3
Minuman dan tembakau	2.1	1.8	1.5	3.8
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	-5.9	-6.7	3.4
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	18.8	-10.6	-2.1	-9.3
Minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran	8.5	-17.6	-33.8	50.0
Kimia dan keluaran kimia t.t.t.l.	4.4	-1.1	-0.5	-1.3
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	-0.5	-0.2	-0.5
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	-0.1	-0.4	-0.5
Pelbagai keluaran kilang	3.6	-0.6	-0.4	-0.4
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam SITC	0.6	10.3	9.0	3.6
Pengeluaran tempatan	79.3	-5.9	-5.6	1.8
Import	20.7	0.1	0.0	-0.6

Sumber: Jabatan Perangkaan.

merosot 0.6%. Peningkatan kecil IHPG bagi pengeluaran tempatan disebabkan terutamanya oleh harga minyak sawit yang lebih tinggi. Sementara itu, inflasi import kekal rendah kerana negara-negara dagangan utama mengalami inflasi yang rendah. Keseluruhannya, IHPG bagi tempoh tujuh bulan pertama 2002 meningkat sederhana sebanyak 1.3% berbanding -4.6% bagi tempoh yang sama tahun lepas.

CARTA 2.18

Indeks Harga Pengeluar (1989 = 100)



Tinjauan 2003

Pertumbuhan ekonomi dijangka terus kukuh...

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kukuh pada 2003, diterajui oleh peningkatan permintaan dalam dan luar negeri. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mencatat kadar pertumbuhan positif. Jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia dan permintaan ke atas barangan elektronik akan menghasilkan pertumbuhan sektor pembuatan yang lebih kukuh dengan asas yang lebih meluas. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat dengan lebih mantap, sejajar dengan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi. Pertumbuhan ekonomi juga akan mempercepatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, manakala permintaan terhadap rumah yang

mampu dibeli dan projek-projek awam yang sedang dilaksanakan, seperti Empangan Hidroelektrik Bakun dan landasan berkembar akan mempercepatkan lagi pertumbuhan sektor pembinaan. Keseluruhannya, pertumbuhan KDNK benar akan meningkat tinggi 6%-6.5%. Dengan prospek ekonomi yang memberangsangkan ini, KNK per kapita dijangka terus meningkat 5.5% kepada RM14,098 atau USD3,710 (2002: RM13,361, USD3,516), sementara pendapatan dari segi pariti kuasa beli juga meningkat 5.4% kepada USD8,873 (2002: 3.3%, USD8,418).

Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta dijangka menerajui pertumbuhan...

Dengan aktiviti ekonomi secara menyeluruh dijangka semakin cergas pada 2003, didorong oleh pemulihan ekonomi dunia yang lebih mantap serta peranan positif sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi, **permintaan dalam negeri** (tidak termasuk perubahan dalam stok) mengikut harga benar diramal kukuh sebanyak 7.3% (2002: 4.8%). Perbelanjaan sektor swasta dijangka menerajui kegiatan ekonomi dalam negeri, dengan sumbangan besar sebanyak 5.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2002: 3 mata peratusan), lebih tiga kali ganda berbanding sumbangan sektor awam sebanyak 1.3 mata peratusan (2002: 1.3 mata peratusan).

Kekuatan sektor swasta bukan sahaja dicerminkan melalui keyakinan pengguna yang berterusan, bahkan dari segi pengukuhan sentimen perniagaan. Keyakinan pengguna dijangka bertambah baik berikutan meningkatnya pendapatan boleh guna, hasil daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi dan kesan kekayaan yang positif daripada pasaran saham yang lebih cergas. Oleh itu, **penggunaan swasta** diramal meningkat kukuh sebanyak 7.6% (2002: 5.9%).

Selaras dengan sentimen perniagaan yang lebih menggalakkan dan persekitaran luar yang semakin baik, sektor swasta dijangka meningkatkan lagi perbelanjaan modal mereka. Dengan itu, pelaburan swasta akan mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 14.4% (2002: 1.8%), sejajar dengan peranannya sebagai penjana utama pertumbuhan ekonomi. Sektor

perkhidmatan, termasuk pelancongan, pendidikan, pengangkutan dan industri berkaitan ICT, dijangka berkembang kukuh memandangkan lebih banyak usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti dalam mencapai potensi pertumbuhan sepenuhnya.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk melaksanakan langkah konsolidasi, pelaburan sektor awam dijangka mencatat pertumbuhan yang perlahan sebanyak 0.5% (2002: 4.1%). Pertambahan kecil ini adalah bagi membiayai peningkatan kapasiti, termasuk infrastruktur fizikal dan info-struktur, khususnya bagi pembangunan luar bandar serta mempertingkatkan pembangunan sumber manusia, terutamanya meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Penggunaan awam, dijangka terus meningkat 8.5% (2002: 4.7%), khususnya untuk membiayai perbelanjaan mengurus bagi tujuan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan sosial serta menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Tinjauan Sektoral

Semua sektor dijangka berkembang pesat...

Perkembangan luar dan faktor-faktor dalam negeri membawa kepada pemulihan yang lebih kukuh dalam **sektor pembuatan**. Pertumbuhan industri elektronik, penggerak utama sektor pembuatan, dijangka bertambah kukuh. *Semiconductor Industry Association* (SIA) juga meramalkan bahawa jualan separa konduktor akan bertambah pesat dan meningkat 23.2% pada 2003, didorong oleh pertumbuhan kukuh di rantau Asia Pasifik. Keadaan ini mencerminkan pertumbuhan permintaan dalam negeri dalam barangan elektronik dan peningkatan perdagangan di kalangan negara Asia.

Kebanyakan syarikat di AS telah mengurangkan perbelanjaan modal, termasuk penggantian komputer peribadi, disebabkan keadaan perniagaan yang tidak menentu pada 2001 dan jangkaan pendapatan yang lebih rendah pada 2002. Oleh kerana komputer peribadi, dan peralatan elektronik lain telah diperolehi semasa *internet boom* pada 1999, penggantian perlu dilakukan disebabkan alat-alat yang telah usang serta kepesatan perubahan teknologi. Di samping itu, dengan jangka hayat komputer peribadi dalam

lingkungan empat hingga lima tahun, kitaran permintaan komputer peribadi dijangka meningkat dengan mendadak pada 2003. Tambahan pula, peningkatan aktiviti *out-sourcing* di rantau Asia-Pasifik oleh pengilang separa konduktor di AS dan EU dijangka berterusan dan Malaysia akan mendapat manfaat daripada perkembangan ini. Oleh yang demikian, industri separa konduktor dijangka bertambah kukuh. Memandangkan pertumbuhan kukuh pengeluaran separa konduktor akan memberi kesan limpahan kepada industri sokongan seperti plastik, kimia, dan fabrikasi logam serta mesin, maka pengeluaran keseluruhan sektor pembuatan dijangka meningkat.

Industri berorientasikan dalam negeri juga dijangka meningkat. Ini disebabkan oleh kesan pendapatan eksport yang lebih tinggi serta kesan kekayaan positif hasil daripada prestasi cergas pasaran saham. Arah aliran ini dijangka akan meningkatkan perbelanjaan swasta. Permintaan ke atas barangan tahan lama, termasuk kenderaan penumpang, akan merangsang pertumbuhan pengeluaran yang kukuh. Oleh yang demikian, keseluruhan pertumbuhan nilai ditambah sektor pembuatan dijangka meningkat dengan lebih kukuh sebanyak 8.5% pada 2003 (2002: 5.1%)

Sektor pertanian dijangka meningkat 3.4% (2002: 1.1%), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi. Ini disebabkan jangkaan keadaan cuaca yang lebih baik pada tahun 2003 ekoran kesan *el-nino* yang kian reda pada awal tahun, selepas negara mengalami cuaca kering pada separuh kedua tahun 2002. Selain itu, hasil sehektar tanaman kelapa sawit, getah dan koko dijangka meningkat, sejajar dengan usaha berterusan dalam penanaman baka baru yang memberi hasil yang lebih tinggi.

Berikutan kekukuhan ekonomi dalam negeri, permintaan untuk tenaga dijangka terus meningkat, dengan itu, merangsang pertumbuhan pengeluaran gas asli sebanyak 16.7% dan minyak mentah, 1.8%. Justeru, pertumbuhan nilai ditambah sektor perlombongan dijangka meningkat 2.5%.

Sektor pembinaan diramal mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.5% (2002: 3.8%). Projek infrastruktur awam, khususnya

pembangunan sektor kecil kesihatan, pendidikan dan luar bandar akan terus dilaksanakan. Pembangunan perumahan juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor tersebut memandangkan permintaan yang semakin meningkat, khususnya bagi rumah kos rendah dan sederhana.

Sektor perkhidmatan dijangka mengalami pertumbuhan asas yang meluas sebanyak 5.9% (2002: 5.3%) bagi tahun 2003, selari dengan asas pertumbuhan ekonomi. Dengan ini, sektor-sektor kecil elektrik, gas dan air serta pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi akan berkembang, sejajar dengan pengeluaran sektor pembuatan yang lebih tinggi. Sementara itu, industri perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka meningkat lebih pesat lagi.

Imbangan Pembayaran

Imbangan pembayaran kekal kukuh berdasarkan akaun semasa yang lebih baik...

Berlandaskan persekitaran ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang secara umum lebih menggalakkan pada 2003, kedudukan sektor luar Malaysia dijangka terus kekal kukuh. Akaun **barangan** dalam imbangan pembayaran dijangka sekali lagi mencatat lebihan berjumlah RM71,828 juta (2002: RM68,190 juta), sungguhpun pertumbuhan import berkemungkinan mengatasi eksport. Prestasi eksport dijangka bertambah kukuh, meningkat lebih sekali ganda pada kadar 10.4% (2002: 4.5%) disokong sebahagian besarnya oleh pemulihan kukuh dalam permintaan luar bagi barangan pembuatan, khasnya barangan berkaitan ICT dan permintaan minyak sawit yang berterusan di peringkat antarabangsa. Perbelanjaan import yang meningkat lebih kukuh sebanyak 11.6% (2002: 6.4%) berdasarkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih rancak dan keperluan untuk memenuhi permintaan luar negeri. Sebaliknya, akaun **perkhidmatan** diramal mencatat defisit yang lebih tinggi sebanyak RM10,485 juta (2002: -RM8,695 juta), disebabkan sebahagian besarnya oleh jangkaan peningkatan dalam bayaran bersih untuk pengangkutan (-RM14,124 juta) dan perkhidmatan lain, termasuk perkhidmatan kontrak dan profesional (-RM17,178

juta). Sungguhpun begitu, penerimaan bersih akaun perjalanan dijangka meningkat (RM20,784 juta) berdasarkan pelbagai penambahbaikan dalam produk pelancongan serta promosi pelancongan yang agresif.

Bagi akaun **pendapatan**, peningkatan aliran keluar bersih dijangka mencatatkan RM30,499 juta memandangkan pelabur asing membawa balik (2002:-RM27,780) keuntungan dan dividen daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi. Begitu juga pekerja asing dijangka menghantar balik jumlah wang yang lebih tinggi ekoran peningkatan pendapatan boleh guna, memandangkan aktiviti ekonomi yang terus meningkat. Tren tersebut dijangka menyebabkan aliran keluar bersih **bayaran pindahan** semasa meningkat kepada RM8,728 juta (2002: -RM8,483 juta). Memandangkan lebihan dalam akaun barangan dijangka terus melebihi defisit keseluruhan dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan bayaran pindahan, **akaun semasa** imbalan pembayaran sekali lagi dijangka mencatat lebihan yang besar, sungguhpun jumlahnya mengecil sedikit kepada RM22,116 juta atau 6.3% daripada KNK (2002: RM23,232 juta atau 7.1% daripada KNK).

Kedudukan Sumber Negara

Lebih tabungan-pelaburan kekal tinggi selaras dengan peningkatan teguh pendapatan...

Selaras dengan perolehan eksport yang lebih tinggi serta kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih pesat, pendapatan negara dijangka meningkat kukuh sebanyak 7.8% pada 2003 (2002: 6.1%). Walau bagaimanapun, **tabungan negara kasar** kepada KNK dijangka berkurangan sedikit kepada 32.6% (2002: 33.8%), manakala perbelanjaan penggunaan diramal meningkat lebih tinggi sebanyak 10% berbanding kadar pertumbuhan pendapatan negara (7.8%). Perbelanjaan **keseluruhan pelaburan** (termasuk perubahan dalam stok), sebaliknya dijangka meningkat kukuh sebanyak 6.3% (2002: 9.9%) disebabkan pengeluaran modal sektor swasta yang lebih besar. Memandangkan paras tabungan lebih besar daripada pelaburan, maka **jurang tabungan pelaburan** dijangka terus mencatat lebihan pada 2003, walaupun ianya berkurangan sedikit kepada RM22,116 juta atau 6.3% kepada KNK (2002: RM23,232 juta atau 7.1% kepada KNK).